HIMPUNAN RISALAH

HAJI ABU BAKAR AL – MUARI

Mestika Ajaib

(Perbahasan dan dalil tentang

Mawlid Saidina Rasulullah s.a.w)

Jogan Perikatan

(Perbahasan tentang berlafaz usholli)

Taufan yang memalui

(Menjawab kenyataan yang membid'ahkan

solat sunat qobliah Jumaat)

Translaterasi dan susunan :

Abu Al - Baqir

HIMPUNAN RISALAH

HAJI ABU BAKAR AL – MUARI

Mestika Ajaib

(Perbahasan dan dalil tentang

Mawlid Saidina Rasulullah s.a.w)

Jogan Perikatan

(Perbahasan tentang berlafaz usholli)

Taufan yang memalui

(Menjawab kenyataan yang membid'ahkan

solat sunat qobliah Jumaat)

Translaterasi dan susunan :

Abu Al - Baqir

MESTIKA AJAIB

PADA MENYATAKAN HUKUM DAN KELEBIHAN MEMBACA

MAWLID NABI KITA SAIDINA MUHAMMAD

SHOLLALLAHU 'ALAIHI WA SALLAM

Oleh :

Haji Abu Bakar Bin Haji Hasan

Bandar Maharani Muar , Johor.

Translaterasi ke Rumi :

Abu Al-Baqir

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين , والصلاة و السلام على سيدنا محمد سيد المرسلين

و على آله و اصحابه اجمعين. اما بعد

Maka pada 5 safar tahun hijrah 1350 bersamaan 22 Jun tahun masihi 1931,telah bertanya kepada saya oleh setengah sahabat-sahabat saya daripada ahli-ahli gubahan setia kelab Muar :

Apa hukum membaca kisah mawlid An-Nabi s.a.w di dalam bulan Rabi'ul awwal ?

Dan adakah diberi pahala orang yang memperbuatnya atau tiada ?

Dan apa hari atau malam yang terlebih afdhal bagi kita orang-orang Islam ?

Maka apakala adalah pertanyaan sahabat saya itu dalam perkara-perkara yang sangat-sangat berharga dan besar faedahnya baginya dan bagi kita dan bagi saudara-saudara kita yang Islam yang tiada mengetahuinya,lalu saya menjawab kepadanya dengan perkataan saya insyaAllah akan saya tuliskan jawapan bagi pertanyaan tuan itu.

Kemudian pada 7 Safar tahun 1350 bersamaan Jun tahun masihi 1931,saya pun tuliskan dengan ringkas sahaja dengan pertolongan Tuhan.

Dan saya namakan ini risalah ; **MESTIKA AJAIB**.

Saya jawab , Allahumma hidayatan lisshowab :

Kata Imam Al-Hafiz As-Suyuthi dalam bab al-walimah ;

Adalah padaku bahawasa asal beramal membaca kisah mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam iaitu berkumpul manusia membaca al-Quran asy-syarif seberapa dapatnya dan membaca akan kisah permulaan pekerjaannya shollallahu 'alaihi wasallam dan barang yang telah berlaku pada diperanak akan dia shollallahu 'alaihi wasallam daripada beberapa mukjizat.

Kemudian diberi akan mereka itu jamuan.Iaitu setengah daripada bid'ah hasanah (yang kebajikan) yang diberi pahala akan orang yang memperbuat akan yang demikian kerana membesar dan mehormatkan Nabi kita Muhammad shollallahu 'laihi wasallam dan menzahirkan kesukaan dengan diperanak akan dia shollallahu 'laihi wasallam.Intaha.

Dan telah berkata Syeikhul Islam bagi Kerajaan Baladillah Al-Haram Makkah Al-Musyarrafah ; Al-Arif birobbihi al-Mannan As-Sayyid Ahmad Bin Zaini Dahlan dalam kitabnya yang bernama As-Sirah An-Nabawiyyah ;

Bahawasa telah berlaku oleh adat manusia apabila mendengar mereka itu pada menyebut diperanak akan Nabi kita Muhammad shollallahu 'alaihi wasallam , berdiri mereka itu kerana membesar dan mehormat akan dia shollallahu 'alaihi wasallam.Dan ini berdiri mustahsan (dituntut baik) kerana barang yang ada padanya daripada membesar dan mehormatkan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.Dan telah memperbuat akan yang demikian oleh beberapa banyak ulama'-ulama' yang diikut akan dia.

Dan telah berkata Al-Halabi dalam As-Sirah ;

Maka telah mehikayat oleh setengah mereka itu bahawasa Al-Imam As-Subki telah berkumpul di sisinya beberapa banyak daripada ulama'-ulama' yang ada pada masanya kerana khatam membaca kitab .Maka berqashidahlah oleh Abu Zakariyya Ash-Sharshari Al-Hanbali rahimahullahu ta'ala pada setengah qashidah-qashidahnya dalam perkara memuji akan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam demikian bunyinya ;

قَلِيْلٌ لِمَدْحِ الْمُصْطَفَى الْخَطُّ بِالذَّهَبِ * عَلَى وَرِقٍ مِنْ خَطِّ اَحْسَنِ مَنْ كَتَبْ

وَ اَنْ تَنْهَضَ الْأَشْرَافُ عِنْدَ سَمَاعِهِ * قِيَامًا صُفُوْفًا اَوْ جُثِيًّا عَلَى الرُّكَبْ

اَمَا اللهُ تَعْظِيْمًا لَهُ كَتَبَ اسْمَهُ * عَلَى عَرْشِهِ يَا رُتْبَةً سَمَتِ الرُّتَبْ

Ertinya :

Semolek-molek tulisan orang yang menulisnya dengan dakwat emas di atas kertas perak kerana memuji akan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam itupun sedikit benar pujiannya.,

Dan bangun orang-orang yang mulia hal keadaannya berdiri berbaris atau berteleku di atas lutut-lututnya pada ketika mendengar akan kisah diperanakkan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam itu pun sedikit juga kehormatannya.

Apa tidakkah Allah ta'ala telah menulis akan namanya shollahu 'alaihi wasallam atas arasyNya kerana membesarkan bagi Nabi shollallahu 'alaihi wasallam ,ya ! martabat setinggi-tinggi martabat (dialah Arasy)

Maka apakala sampai pada perkataan Asharshari itu ;

وَ أَنْ تَنْهَضَ الْأَشْرَافُ عِنْدَ سَمَاعِهِ

Imam As-Subki pun bangun berdiri dan sekelian orang – orang yang hadir dalam majlis itu pun bangun berdiri berbaris kerana bersetuju dan mengesahkan barang yang disebut akan dia oleh Asharshari itu.

Maka dengan sebab itu jadilah kesukaan dan keriaan yang besar dalam majlis itu.Intaha.

Kata Imam Abu Syamah guru Syeikh Al-Imam An-Nawawi ;

Dan setengah daripada sebaik-baik perkara yang diadakan pada zaman kita ,iaitu barang yang diperbuatkan akan dia pada tiap-tiap tahun pada hari yang bersamaan bagi hari diperanakkan Nabi kita Muhammad shollallahu ‘alaihi wasallam dengan bersedekah dan menzahirkan perhiasan dan kesukaan.Maka bahawasa yang demikian itu serta dengan memperbuat ihsan bagi segala fakir miskin iaitu menunjukkan kasih akan Nabi shollallahu ‘alaihi wasallam dan membesar akan dia dalam hati orang yang memperbuat akan yang demikian itu.Dan syukur akan Allah ta’ala atas barang yang telah dikurniai nikmat dengannya dengan dibangkitkan Rasulullah shollallahu ‘alaihi wasallam yang telah dijadi akan dia Rasul rahmat bagi sekelian alam.

Dan telah berkata As-Sakhawi ;

Bahawasa membaca kisah mawlid An-Nabi iaitu telah menjadi kemudian daripada kurun yang ketiga (kemudian daripada tiga ratus tahun daripada hijrah), kemudian sentiasalah ahli-ahli Islam daripada sekelian negeri yang besar-besar membaca mereka itu akan kisah mawlid An-Nabi shollallahu ‘alaihi wasallam dan bersedekah pada malamnya dengan bermacam-macam sedekah dan mengamat-amati mereka itu dengan membaca kisah mawlid An-Nabi shollallahu ‘alaihi wasallam.

Dan nyatalah pada mereka itu berkat dan kelebihannya yang am.

Dan telah berkata Ibnu Al-Jauzi ;

Setengah daripada barang yang telah dicuba bahawasa orang yang membuat akan yang demikian itu adalah ia aman dalam tahun itu serta mendapat kesukaan dan hasil cita-citanya.

Dan adalah mula-mula orang yang membuat akan yang demikian daripada raja-raja iaitu Raja Al-Muzhaffar Abu Sa'id yang memerintah Negeri Arbil .

Dan kata Sibth Ibnu Al-Jauzi dalam Kitab Mir-atuzzaman ;

Telah menceritakan kepadaku oleh setengah orang-orang yang hadir dalam setengah-setengah jamuan Raja Muzhaffar itu kerana membaca kisah mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam bahawasa adalah ia telah membilang dalam jamuan itu lima ribu kambing yang dimasak dan sepuluh ribu ekor ayam dan seratus ekor kuda dan seratus ribu pinggan halwa dan dibelanjakan pada hari itu tiga ratus ribu paun .

Dan beberapa banyak ulama'-ulama' dan ahli-ahli sufi yang hadir dalam jamuan itu serta dipasang akan bara-bara dengan sebaik-baik gaharu.

Dan telah mengeluar oleh Al-Hafiz Ibnu Hajar akan dalil beramal membaca kisah mawlid An-Nabi iaitu tsabit pada sunnah.

Dan iaitu barang yang tersebut dalam Al-Bukhari dan Al-Muslim bahawasa Nabi shollallahu 'alaihi wasallam telah datang ke

Madinah , maka berjumpa ia akan yahudi-yahudi berpuasa pada Hari ‘Asyura.Maka bertanya ia shollallahu ‘alaihi wasallam akan mereka itu,maka berkata mereka itu ;iaitulah hari ditenggelam oleh Allah ta’ala akan Fir’aun dan diselamat la akan Nabi Musa dan kami puasa akan dia kerana kesyukuran.Maka sabda Nabi shollallahu ‘alaihi wasallam ; kami terlebih aula dengan Nabi Musa daripada kamu.

Dan telah di mimpikan (dinampakkan di dalam mimpi) Abu Lahab bapa saudara Nabi kita shollallahu ‘alaihi wasallam dan yang mimpi itu ialah setengah daripada ahli-ahlinya kemudian daripada setahun daripada wafatnya (Abu Lahab).Maka ditanya baginya ; apa hal engkau hai Abu Lahab ? Jawabnya ; aku dalam neraka melainkan bahawa diringankan daripadaku pada tiap-tiap malam Isnin dan aku isap air yang keluar antara dua jariku ini kerana aku telah merdehekakan hambaku yang bernama Tsuwaibah ketika ia menyuka akan daku dengan diperanak akan Nabi Muhammad shollahu ‘alaihi wasallam dan memberi ia akan susunya akan Nabi shollallhu ‘alaihi wasallam.

Dan kata Syeikh Syamsuddin Muhammad :

إِذَا كَانَ هَذَا كَافِرًا جَاءَ ذَمُّهُ * وَ تَبَّتْ يَدَاهُ فِي الْجَحِيْمِ مُخَلَّدَا

آتَى أَنَّهُ فِي يَوْمِ الْإِثْنَيْنِ دَائِمًا * يُخَفَّفُ عَنْهُ لِلسُّرُوْرِ بِأَحْمَدَ

فَمَا الظَّنُّ بِالعَبْدِ الَّذِى كَانَ عُمْرُهُ * بِأَحْمَدَ مَسْرُوْرًا وَ مَاتَ مُوَحِّدَا

Adalah makna ini syair iaitu bagaimana kata Ibnu Al-Jauzi juga.Iaitu apabila ada Abu Lahab yang kafir yang diturun akan ayat Tabbat yada Abi Lahabin dengan mencela akan dia dan tiada ada cela lebih daripadanya,maka tiba-tiba dibalas akan dia dalam neraka.Melainkan diringan akan azab daripadanya pada tiap=tiap malam Isnin kerana sukanya diperanak akan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.Maka apatah lagi orang-orang Islam yang mengesakan Tuhan lagi membuat kesukaan pada hari diperanak akan dia shollallahu 'alaihi wasallam.Dan lagi memberi sedekah ia kadar yang sekuasa atasnya kerana kasihnya akan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.Demi umurku bahawa balasannya daripada Tuhan Robbul Karim memasuk Ia akan dia dengan limpahnya dalam syurga.

Dan kata Sidi Al-Hasan Al-Bashri ;

Aku sangat suka jikalau ada bagiku emas seperti Jabal Uhud

(satu bukit yang ada dalam Madinah) sekalipun,necaya aku belanja akan dia kerana membaca kisah mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam .

Dan kata Syeikh Al-Junaid Al-Baghdadi ;

Siapa hadir waktu membaca kisah mawlid An-Nabi dan membesar ia akan dia shollallahu 'alaihi wasallam , maka sungguh berbahagialah ia dengan iman.

Kata Sidi Ma'ruf Al-Karkhi ;

Siapa mensediakan kerana membaca kisah mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam – makanan , serta mengumpul ia akan saudara-saudara dan memasang ia akan pelita dan memakai ia dengan pakaian yang baharu yang molek serta memakai akan bau-bauan kerana membesarkan bagi diperanak akan dia shollallahu 'alaihi wasallam,dikumpul akan dia oleh Allah ta'ala pada Hari Kiamat serta puak yang pertama daripada segala nabi-nabi dan adalah ia pada 'ala illiyyin (pada setinggi-tinggi daripada syurga yang tinggi).

Dan barangsiapa membaca mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam dan diletakkan wang perak atau wang emas serta dicampurkannya dengan wang-wang yang lain, jatuh atasnya berkat dan tiada mewarisi papa orang yang empunya wang itu.Dan tiada kosong tangannya dengan berkat dibaca kisah mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.

Dan telah berkata Imam Al-Yafi'i ;

Barangsiapa mengumpul akan saudara-saudaranya daripada muslimin kerana membaca mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam dan mensedia ia bagi mereka itu jamuan serta membuat ihsan, jadilah ia dengan sebab membaca kisah mawlid An-Nabi dibangkit akan dia oleh Allah ta'ala pada Hari Kiamat serta dengan as-siddiqin wa asy-syuhada' wa as-solihin dan adalah ia dalam syurga Jannatunna'im.

Dan telah berkata As-Sarri As-Saqati ;

Barangsiapa meqasad hendak pergi kepada tempat orang membaca Mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam , maka sungguhnya meqasad ia akan satu raudhah (kebun) daripada kebun-kebun syurga.Kerana tiada ia meqasad akan tempat itu melainkan yang ia suka dan kasihkan Rasulullah shollallahu 'alaihi wasallam dan sabdanya shollallahu 'alaihi wasallam ;

مَنْ اَحَبَّنِي كَانَ مَعِي فِي الْجَنَّةِ

Barangsiapa kasih akan daku adalah ia sertaku dalam syurga.

Dan telah berkata Sulthanul Arifin Jalaluddin As-Suyuthi dalam kitabnya yang bernama "Al-Wasail fi syarh Asy-Syamail" ;

Tiada ada daripada rumah atau masjid atau tempat yang dibaca di dalamnya kisah Mawlid an-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam melainkan dikelilingi oleh malaikat akan ahli-ahli rumah dan tempat-tempat itu dan dilimpahkan atas mereka itu oleh Allah Ta'ala dengan rahmat dan dikelilingi dengan nur oleh Jibril,Mikail,Israfil,Qorbail,'Ainail,Shoffun,Haffun dan Al-Karubiyyun.

Maka sekelian mereka itu meselawat (memintakan ampun) atas orang yang mengadakan bagi membaca kisah Mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.

Diceritakan bahawa adalah dalam masa Raja Amirul Mukminin Harun Ar-Rasyid , seorang muda yang ada di dalam Bashrah yang membazir atas dirinya.

Dan adalah ahli-ahli negeri itu memandang kepadanya dengan pandangan yang mehinakan kerana perbuatannya yang tidak baik.

Melainkan apabila sampai pada bulan Rabi'ul Awwal bersiap ia membasuh akan bajunya dan memakai dengan bau-bauan yang harum serta bersolek dan membuat ia akan jamuan dan dibaca akan kisah Mawlid An-Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.

Dan berkekalanlah ia atas ini hal sehingga beberapa masa yang panjang.

Kemudian apakala ia mati,mendengar oleh ahli-ahli negeri – suatu suara berkata ;

اَحْضِرُوْا ياَ اَهْلَ الْبَصْرَةِ وَ اَشْهِدُوْا حَنَازَةَ وَلِىٍّ مِنْ اَوْلِيَاءِ اللهِ فَاِنَّهُ عَزِيْزٌ عِنْدِى

Hendaklah hadir sekelian kamu hai ahli-ahli Negeri Bashrah dan saksi olehmu akan jenazah satu wali daripada awliya' Allah ta'ala,maka adalah ia mulia di sisiku.

Maka ahli-ahli negeri itu pun hadir pada jenazahnya dan menanam mereka itu akan dia.kemudian mimpi mereka itu akan dia dengan memakai dengan pakaian Sundus (sejenis

sutera yang tebal) dan Istabraq (sejenis sutera yang nipis yang halus).

Maka ditanya akan dia ; dengan apa engkau boleh dapat ini kelebihan ?

Jawabnya ; ialah dengan sebab aku telah membesar dan mehormatkan hari diperanakkan Nabi Muhammad shollallahu 'alaihi wasallam

Dan lagi diceritakan bahawasa adalah zaman Khalifah Abdul Malik Bin Marwan , seorang muda yang molek parasnya dalam Negeri Syam.

Dan adalah ia lalai dengan kesukaan menunggang akan kuda.

Maka adalah pada satu hari menunggang ia akan kudanya dan tiba-tiba terperanjat kudanya dan melari ia akan dia sehingga pada segala jalan-jalan dan lorong-lorong Negeri Syam itu.

Dan tiada ada daya baginya pada hendak menahan akan kudanya itu hingga sampai ia pada muka jalan di sisi pintu istana khalifah itu dan terjemuh (terlanggar) ia kepada seorang kanak-kanak daripada anak-anak khalifah itu.

Dan tiada daya ia pada hendak mengelak akan bahaya itu.

Maka kuda itupun melanggar akan anak raja itu lalu keluar rohnya daripada jasadnya.

Maka seketika iu juga sampai pekhabaran itu kepada khalifah.

Maka memerinah ia menangkap akan orang muda itu dan dibawa ke hadapannya.

Maka apakala nyatalah bagi orang muda itu jadi bahaya yang dahsyat atas dirinya, terlintas dalam hatinya berkata-kata "jika dilepas akan dia oleh Allah Taala daripada ini bala' yang besar , aku buat satu jamuan yang besar dan aku baca dalamnya Mawlid An-Nabi s.a.w.

Pendeknya ,apakala dibawa akan dia ke hadapan khalifah dan memandang khalifah iu akan dia dengan senyum kemudian daripada telah sangat murka dan dukacita yang besar.

Dan sabdanya ; hai apa engkau pandai sihir.

Jawabnya ; tidak ... wallahi ya amiral mukminin.

Maka sabdanya ;

عَفَوْتُ عَنْكَ

Aku maafkan akan dikau.

Dan tetapi hendaklah engkau khabarkan kepadaku apa-apa yang engkau kata dalam hati engkau.

Jawab orang muda itu ; aku telah berkata-kata dalam hatiku :

Jika dilepas akan daku oleh Allah Taala daripada ini bahaya yang besar,aku buat jamuan kerana membaca Mawlid An-Nabi s.a.w.

Maka sabdanya ;

Aku maaf akan dikau dan ambillah ini seribu paun kerana Mawlid An-Nabi s.a.w dan halal darah anakku bagi engkau.

Maka orang muda itu pun balik serta membawa kurnia khalifah itu seribu paun.

Dan dimaaf akan dia daripada qisas kerana berkat niat yang bersih hendak membaca kisah Mawlid An-Nabi s.a.w.

Dan telah tersebut dalam Mawlid Syarafil Anam kata Abdul Wahid Bin Ismail ;

Adalah seorang laki-laki dalam Mesir membuat jamuan kerana Mawlid An-Nabi s.a.w pada tiap-tiap tahun.

Dan adalah sebelah rumahnya seorang laki-laki yahudi.

Dan berkata isteri yahudi itu ; kerana apa jiran kita orang Islam itu membelanja ia besar-besar pada tiap-iap seumpama ini bulan (Rabiul Awwal).

Maka berkata suaminya ; orang itu menyangka bahawasa Nabinya diperanak akan dia dalam ini bulan.Dan kerana itulah membuat ia akan yang demikian kerana kasih dan memuliakan baginya dan bagi hari diperanakkannya.

Maka pendeknya,diamlah kedua-kedua itu.

Kemudian pada malamnya tidurlah kedua-dua itu.

Maka mimpi isteri laki-laki yahudi dalam tidurnya melihat ia akan seorang laki-laki yang elok parasnya lagi hebat dan masuk ke dalam rumah jirannya yang Islam itu.

Dan sekelilingnya beberapa banyak orang-orang daripada sahabat-sahabatnya dan membakar bara-bara serta mehormat mereka itu akan dia.

Maka berkata isteri laki-laki yahudi bagi seorang laki-laki daripada mereka itu ; siapa ini laki-laki yang sangat elok wajahnya.

Maka jawab laki-laki itu kepadanya ; inilah Rasulullah s.a.w masuk ia dalam dalam ini rumah kerana memberi selamat atas ahli ini rumah dan kerana meziarah ia akan mereka itu kerana suka mereka itu dengannya.

Maka kata isteri yahudi itu baginya ; adakah mahu dia berkata-kata dengan daku apabila aku bercakap dengannya.

Katanya na'am (bahkan).

Maka datang ia kepadanya s.a.w dan berkata ia ;Ya Muhammad.

Menjawab ia s.a.w ; Labbaiki.

Maka berkata isteri yahudi itu ; engkau menjawab pada seumpama aku ini dengan talbiah.Dan aku bukan daripada agama engkau dan tetapi aku ini daripada seteru engkau.

Maka menjawab Rasulullah s.a.w kepadanya ; demi Allah Tuhan yang membangkit akan daku menjadi nabi dengan sebenar-benar ,tiada aku hendak menjawab akan seruan engkau itu – hingga telah aku telah ketahui bahawasa Allah Taala telah memberi hidayah kepada engkau.

Maka kata isteri yahudi itu ; sebenar engkau nabi yang mulia dan engkaulah yang dihormati yang sebenar.Binasalah orang yang menyalahi perintah engkau dan rugilah orang yang jahil akan darjah engkau.Hulurkanlah tangan engkau.

Maka aku kata ;

اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللهُ وَ اَنَّكَ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ

Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa engkau adalah Nabi Muhammad utusan Allah.

Kemudian berjanjilah ia dengan Allah di dalam hatinya bahawasa besok pagi yang ia hendak bersedekah dengan sekelian hartanya yang dimilikinya dan membuat jamuan kerana Mawlid An-Nabi s.a.w oleh sebab sangat-sangat sukanya dengan dapat masuk Islamnya dan kerana syukurnya mendapat melihat barang yang dilihat akan dia dalam mimpinya itu.

Maka apabila berpagi-pagi besok melihat ia akan suaminya telah bersiap dengan bersungguh-sungguh hendak membuat walimah (jamuan).

Maka hairan ia pekerjaan suaminya itu.Dan berkata ia (isterinya) itu bagi suaminya ; aku tengok akan dikau bersiap bersungguh-sungguh kerana apa?

Jawab suaminya ; ialah kerana orang yang engkau telah masuk Islam di hadapannya semalam.

Maka kata isterinya ; siapa yang memberitahu kepada engkau daripada ini rahsia yang tersembunyi dan siapa kasi tengok akan dikau atas ini hal.

Maka jawab suaminya ; iaitulah orang yang aku telah masuk Islam di hadapannya kemudian daripada engkau.

JAWAB YANG KEDUA

Bersalah-salahan ulama' apa malam yang terlebih afdhal ?

Maka kata setengah ulama' ; malam diperanakkan Nabi iaitu terlebih afdhal daripada segala malam.

Dan kata Ibnu Hajar ; malam Lailatul qadr iaitu terlebih afdhal daripada malam diperanakkan Nabi s.a.w.

Dan kata setengah ulama' malam Isra' iaitu terlebih afdhal daripada malam Lailatul Qadr , tetapi dinisbahkan baginya Nabi s.a.w.

Dan adalah seafdhal-afdhal hari daripada tujuh hari iaitulah Hari Jumaat kerana dimerdehekakan oleh Allah Taala padanya enam ratus ribu pemerdehekaan daripada neraka.Dan barangsiapa mati dalamnya di tulis oleh Allah Taala baginya pahala syahid dan dipelihara akan dia daripada fitnah kubur.

Ketahui olehmu bahawasa pada hakikat , malam diperanakkan Nabi s.a.w iaitulah hari raya bagi kita orang-orang Islam.

Dan apa nikmat yang terlebih besar daripada dizahirkan Nabi kita yang karim pada waktu yang azhim.Yang telah hasil padanya beberapa kelebihan atas sekelian maujudat ,kerananyalah s.a.w dijadi akan dia oleh Allah Taala rahmat bagi sekelian alam.

Maka ratalah dengannya nikmat atas sekelian makhluk bagaimana firman allah Taala ;

وَ مَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِيْنَ

Tiada aku jadi akan dikau rasul ya Muhammad melainkan rahmat bagi sekelian alam.

Oleh yang demikian hendaklah kita hemmah dan berhari raya dan bersuka ria kita pada malam itu dengan membaca Quran Asy-Syarif , kisah Mawlid An-Nabi s.a.w,berjamu dan bersedekah kepada fakir miskin.

Ingatan.

Apabila dibaca akan Mawlid An-Nabi dalam satu-satu majlis , maka hendaklah orang-orang yang hadir dalam majlis itu duduk dengan adab.Jangan mereka itu bercakap berbual atau menghidap rokok atau cerut dalam majlis itu.Tetapi hendaklah mereka itu duduk dengan adab dan tawadhu'.

Oleh sebab saya datang akan perkataan ini di sini,kerana saya telah berjumpa beberapa tempat kumpulan orang-orang kerana membaca Mawlid An-Nabi s.a.w.Maka setengah mereka itu berbual-bual dan setengah mereka itu menghisap rokok.

Mendahului saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan yang membaca risalah ini sekiranya didapati yang terlangsung kalam saya pada perkara-perkara yang membawa kepada salah atau kurang adab,diharapkan serta dibetulkan.Walhamdulillahi Robbil 'alamin.

Telah tamatlah saya menulis ini risalah lepas Asar hari Jumaat 9 Safar 1350 Hijrah bersamaan 26 Jun 1931 Masihi.

Walhamdulillah awaalan wa akhiran.

و صلى الله على سيدنا محمد و على آله و صحبه و سلم.

Ahqarul wara ;

Haji Abu Bakar Bin Haji Hasan Muar

Bandar Maharani Muar

9 Safar 1350

KITAB

JOGAN PERIKATAN

PADA MENYATAKAN SUNAT BERLAFAZ DENGAN USHOLLI

Disusun akandia

Oleh

Haji Abu Bakar Bin Haji Hasan

Muar – Johor

Translaterasi ke Rumi

Abu Al-Baqir

بسم الله الرحمن الرحيم

اَلْحَمْدُ لِلّهِ الَّذِى عَلَّمَ الْاِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

وَالصَّلَاةُ وَ السَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى اَهَّلَ بِحَجَّةٍ وَ عُمْرَةٍ وَ اَحْرَمَ

وَعَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ وَ مَنِ اهْتَدَى بِهِمْ وَ اَتَمَّ

Amma ba'du ;

Maka telah datang kepada saya setengah sahabat-sahabat saya bertanyakan hukum berlafaz dengan niat sembahyang,adakah sunat atau bid'ah.

Maka jikalau dikatakan sunat,adakah baginya nash?

Maka telah saya jawab mengatakan sunat.

Kemudian datang mereka itu pula kepada saya minta saya jadikan satu risalah yang kecil dalam perkara itu.Supaya jadi peringatan bagi mereka itu dan sahabat-sahabat mereka itu.

Maka saya jawab ; insya Allah.

Maka pada seharibulan Zulqi'dah tahun 1346,saya pun memulailah menulis akan ini risalah dengan mukhtasar.

Dan tiada saya tulis padanya melainkan barang yang saya naqal daripada kitab-kitab karangan bagi ulama'-ulama' yang masyhur bagaimana yang saya sebutkan di bawah ini.

Dan iaitu :

Kitab Shahih Al-Bukhari dan Al-Muhazzab[1] bagi karangan Asy-Syeikh Al-Imam Al-Allamah Az-Zahid Abu Ishaq Ibrahim Bin Ali Bin Yusuf Al-Fairuz Abazi Asy-Syairazi dan Al-Ghurarul Bahiyyah bagi Al-Allamah Syeikh Al-Islam Zakariyya Al-Anshari dan At-Tuhfah bagi Al-Allamah Asy-Syeikh Ibnu Hajar Al-Haitami dan An-Nihayah bagi Al-Allamah Asy-Syeikh Muhammad Ar-Ramli.

Dan saya harap mudah-mudahan dikurnia oleh Allah nafa'at dengannya akan saya dan saudara-saudara dan sahabat-sahabat saya.Dan saya nama akan dia .

JOGAN PERIKATAN

فقلت و بالله التوفيق لاحسن الطريق

Ketahui olehmu bahawasanya berlafaz dengan niat sembahyang seperti kata Ushalli ..(hingga akhir) iaitu bukan ia daripada bid'ah yang merosakkan agama,tetapi ialah sunat.

Kerana ta'kid (mengkuatkan) dan kerana menjauhkan daripada lupa.

[1] Dan adalah wafat Asy-Syeikh Al-Imam Al-Allamah Az-Zahid Abu Ishaq Ibrahim itu dalam tahun 476 Hijrah.Dan memula ia mengarang akan kitab Al-Muhazzab itu dalam tahun 455 dan selesai ia daripadanya dalam tahun 469.Dan inilah kitab sangat-sangat masyhur pada fuqaha' Asy-Syafi'iyyah.Maka mula-mula orang yang membuat syarahnya ialah Al-Yafi'I Abu Ishaq Ibrahim Bin Manshur Al-'Iraqi Asy-Syafi'I yang telah wafat dalam tahun 596.Besarnya sepuluh juzu'.Dan yang kedua mensyarah akan dia oleh Imam Dhiyauddin Abu Umar wa Utsman Bin Isa Al-Hazayani Al-Marini yang wafat dalam tahun 602 besarnya 20 jilid.Tetapi tiada habis melainkan sampai Kitab Asy-Syahadah menama ia akan dia Istiqsha li mazhabil ulama' wal fuqaha'.Dan yang ketiga Abu Az-Zabih Ismail bin Muhammad Al-Hadromi.Kedua-dua itu dalam satu masa.Dan yang keempat Al-Imam Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya Bin Syaraf An-Nawawi yang wafat dalam tahun676 hingga bab Ar-Riba.Kemudian disempurna akan dia Taqiyyuddin Ali Bin Abdul Kafi As-Subki yang wafat dalam tahun 756.Dan ada beberapa banyak ulama' lagi yang mensyarahkan atas Al-Muhazzab itu tiada saya sebutkan di sini.Bolehlah lihat dalam Kitab Ksyfuzzhunuh dan lain.

Apatah lagi bagi orang-orang yang awam.

Maka bahawasa kebanyakkan daripada mereka itu jika tiada berlafaz dengan lidahnya tiada dapat ia hendak mehadirkan dalam hatinya akan barang yang dituntut pada niat itu.

Dan kebanyakkan ulama' Syafi'iyyah mengkuatkan pada mengatakan sunatnya kerana diqiaskan atas berlafaz dengan niat haji.

Dan tersebut dalam An-Nihayah dalam juz' yang pertama pada muka 340 ;

وَ يُنْدَبُ النُّطْقُ بِالْمَنْوِيِّ قُبَيْلَ التَّكْبِيْرِ لِيُسَاعِدَ اللِّسَانُ الْقَلْبَ وَ لِأَنَّهُ أَبْعَدُ مِنَ الْوَسْوَاسِ وَ لِلْخُرُوْجِ مِنْ خِلَافِ مَنْ أَوْجَبَهُ .اه

Dan disunatkan bertutur dengan barang yang diniatkan dahulu sedikit daripada takbir.Supaya menolong oleh lidah akan hati dan kerananya terlebih jauh daripada was-was dan supaya keluar daripada khilaf orang yang mewajib ia akan dia.

Dan tersebut dalam Al-Ghurarul Bahiyyah dalam bab Al-Wudhu' pada muka 85 ;

وَقَدْ ذَكَرَهُ النَّاظِمُ كَأَصْلِهِ فِي الصَّلَاةِ وَ الزَّكَاةِ لِمَا قِيْلَ مِنْ وُجُوْبِ اللَّفْظِ أَيْضًا فِي الصَّلَاةِ لِعِظَمِهَا وَ مِنَ الْاِكْتِفَاءِ بِاللَّفْظِ فِي الزَّكَاةِ لِشِبْهِهَا بِأَدَاءِ الدَّيْنِ.

وَ الْمُعْتَمَدُ فِي الْكُلِّ الْقَلْبُ.نَعَمْ التَّلَفُّظُ مَنْدُوْبٌ اِلخ.

Dan bermula tempatnya “niat” dalam hati.Dan sungguhnya telah menyebut akan dia oleh an-Nazhim seperti asalnya dalam bab as-sholah dan az-zakah.

Kerana barang yang dikata qil wajib berlafaz pula pada sembahyang kerana besarnya.Dan daripada dipadakan dengan lafaz pada zakat kerana menyerupanya dengan menunaikan hutang.

Dan bermula yang mu’tamad pada sekelian itu sembahyang dan zakat dan lain “ hati yakni niat dalam hati”.Tetapi berlafaz itu sunat....

Dan tersebut dalam Shahih Bukhari ;

بَابُ رَفْعِ الصَّوْتِ بِالْإِهْلَالِ

(Ertinya ini suatu bab pada menyatakan mengangkatkan suara dengan talbiah)

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوب عَنْ أَبِي قَلَابَه عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.قَالَ صَلَّى رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ بِالْمَدِيْنَةِ الظُّهْرَ أَرْبَعًا وَ الْعَصْرَ بِذِى الْحَلِيْفَةِ رَكْعَتَيْنِ وَسَمِعْتُهُمْ يَصْرَخُوْنَ بِهَا جَمِيْعًا.

Telah mekhabar akan kami Sulaiman Bin Harb,mekhabar akan kami Hammad Bin Zaid daripada Ayyub daripada Abi Qalabah daripada Anas radhiallahu ‘anhu katanya ;telah sembahyang Nabi shollallahu ‘alaihiwasallam dalam Madinah akan zohor empat rakaat dan Asar di Zil Halifah dua rakaat dan aku dengar

akan mereka itu "Nabi dan sahabat-sahabatnya yang ada bersama-samanya shollallahu 'alaihi wasallam" mengangkatkan suara-suara mereka itu dengan keduanya "niat haji dan umrah" sekelian mereka itu.

Dan tersebut dalam Al-Muhazzab dalam Juz yang pertama pada muka 205 ;

وَ مِنْ اَصْحَابِنَا مَنْ قَالَ الْاَفْضَلُ اَنْ يَنْطِقَ بِهِ اَىْ الْمَنْوِيّ لِمَا رَوَى اَنَس قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ يَقُوْلُ لَبَّيْكَ بِحَجَّةٍ وَ عُمْرَةٍ وَ لِاَنَّهُ اِذَا نَطَقَ بِهِ كَانَ اَبْعَدَ عَنِ السَّهْوِ.اه

Dan setengah daripada sahabat-sahabat kita "Syafi'iyyah" orang yang berkata ; bermula yang terlebih afdhal bahawa berlafaz ia dengannya yakni dengan yang diniatkan.Kerana barang yang telah diriwayat oleh Saidina Anas katanya; aku dengar Rasulullah shollahu 'alaihi wasallam bersabda "Labbaika" pada haji dan umrah.Dan kerana apabila seseorang melafazkan niatnya adalah ia lebih jauh daripada lupa.

Dan tersebut dalam Al-Muhazzab dalam bab niat al-wudhu' pada muka 13 ;

فَاِنْ تَلَفَّظَ بِلِسَانِهِ وَ نَوَى بِقَلْبِهِ فَهُوَ اَكَّدُ. اه

(Maka jika berlafaz ia dengan lidahnya dan meniat ia dengan hatinya maka iaitu terlebih muakkad[2])

[2] Yakni lebih ditekankan.

Dan adalah yang yang demikian tiada faraq[3] antara niat mengambil air sembahyang dan sembahyang.

Dan adapun ibarat Al-Muhazzab pada niat sembahyang yang mengambil dalil dengannya oleh setengah orang yang meinkarkan atas menegahkan sunat berlafaz dengan niat itu.Maka bahawasanya yang ia tiada kuasa yakni lemah ia memfaham akan ibarat Al-Muhazzab itu.

Dan ini nash ibarat Al-Muhazzab dalam bab As-Sholah pada muka 69 iaitu ;

وَ النِّيَّةُ فَرْضٌ مِنْ فُرُوْضِ الصَّلَاةِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ " إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَ لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى. وَ لِأَنَّهَا قُرْبَةٌ مَحْضَةٌ فَلَا تَصِحُّ بِغَيْرِ نِيَّةٍ كَالصَّوْمِ.

وَ مَحَلُّ النِّيَّةِ الْقَلْبُ فَإِنْ نَوَى بِقَلْبِهِ دُوْنَ لِسَانِهِ أَجْزَأَهُ.وَمِنْ أَصْحَابِنَا مَنْ قَالَ " يَنْوِي بِالْقَلْبِ وَ يَتَلَفَّظُ بِاللِّسَانِ وَ لَيْسَ بِشَيْءٍ اه.

Dan bermula niat itu fardhu daripada fardhu-fardhu sembahyang.Kerana sabdanya shollallahu ‘alaihi wasallam; bahawasa tiada sah segala amal pada syara’ melainkan dengan niat .Dan bagi tiap-tiap seseorang barang yang diniatnya.Dan kerananya ibadah mahdhah[4].Maka tiada sah ia dengan tiada niat seperti puasa.Dan bermula tempat niat itu

[3] Yakni tiada beza.

[4] Keluar dengan kata ibadah – makan dan seumpamanya.Dan keluar dengan kata mahdhah (khalishah) – iddah dan menutup aurat dan seumpama keduanya.Dan adalah iddah itu bukan ibadah mahdhah kerana maksud daripadanya pada ghalib hendak mengetahui baraaturrahim (rahim kosong daripada kandungan).Dan menutup aurat ,dan jika ada ia satu syarat sekalipun tetapi bukan ia ibadah mahdhah.Dan kehendak daripadanya memeliharakan daripada mata manusia.Dan kerana inilah wajib menutup aurat orang yang tiada mukallaf dan tiada daripada ahli sembahyang dan ibadat seperti orang yang gila dan kanak-kanak yang belum mumayyiz.Maka wajib atas walinya menutupkan auratnya.

dalam hati.Maka jika meniat ia dalam hatinya,tiada berlafaz dengan lidahnya memadailah ia akan dia.Dan setengah daripada sahabat-sahabat kita ‘syafi’iyyah’ orang yang berkata ; meniat ia dengan hati dan berlafaz ia dengan lidah – tiada ia “ini qoul” sesuatu.Intaha.[5]

قَوْلُهُ وَ مِنْ اَصْحَابِنَا مَنْ قَالَ الخ وَ مَعْنَاهُ اَنَّ اَصْحَابَنَا مَنْ قَالَ لَا يُجْزِئُ الْاِقْتِصَارُ عَلَى الْقَلْبِ فَقَطْ بَلْ لاَ بُدَّ فِي الاجزَاءِ مِنَ التَّلَفُّظِ بِاللِّسَانِ فَجَعَلَ التَّلَفُّظ وَاجِبًا لِتَوَقُّف الاجْزَاءِ عَلَيْهِ وَ لَيْسَ الْقَوْلُ بِوُجُوْبِ التَّلَفُّظِ بِشَيءٍ أَىْ لَا يُعْتَدُّ بِهِ لِاَنَّهُ ضَعِيْفٌ.وَهَكَذَا عَادَةُ الْمُهَذَّبِ يَأْتِى اَوَّلَا بِالْقَوْلِ الْمُعْتَمَدِ ثُمَّ يَأْتِى بَعْدَهُ بِمَا يُقَابِلُهُ مِنَ الْقَوْلِ الضَّعِيْف لِينصّ عَلَى ضَعْفِهِ كَمَا يَفْهَمُ ذَلِكَ كُلُّ طَالِبِ عِلْمٍ. وَلَيْسَ فِي الْعِبَارَةِ تَعَرُّضٌ لِنَفْيِ السُنَّةِ اَصْلًا .

Bermula perkataannya ‘ dan setengah daripada sahabat-sahabat kita daripada mazhab Syafi’i orang yang berkata (sehingga akhir)’.Dan bermula maknanya bahawa setengah daripada sahabat-sahabat kita orang yang berkata ; tiada memadai dipadakan dengan niat sahaja.Tetapi tiada boleh tidak pada memadai daripada berlafaz dengan lidah.Maka menjadi ia akan berlafaz itu wajib kerana terhenti memadai itu atasnya.

Dan tiada qoul yang mengatakan wajib berlafaz itu sesuatu yakni tiada boleh dihitungkan dengannya.Kerana bahawasanya itu dhaif.

[5] Yakni pendapat ini adalah harus bahkan sunat sebagaimana yang dinashkan oleh para ulama muktabar.

Dan demikianlah ibarat Al-Muhazzab mendatang ia mula-mula dengan qoul yang muktamad.Kemudian mendatang ia kemudian daripadanya dengan barang yang menentangi ia akan dia "lawannya" daripada qoul yang dhaif supaya dinashkan atas dhaifnya seperti barang yang difaham akan dia oleh tiap-tiap orang yang menuntut ilmu.

Dan bukan pada ibarat Al-Muhazzab itu mendatangkan bagi menafikan sunat berlafaz itu daripada asalnya.Taammal.[6]

Demikianlah kata Al-Allamah Ali Bin Abdullah Ath-Thoyyib Al-Azhari Amin fatwa[7] Asy-Syafi'iyyah.

Dan tersebut dalam At-Tuhfah dalam Juz yang kedua pada muka 112 :

وَ يُنْدَبُ النُّطْقُ بِالْمَنْوِيِّ قُبَيْلَ التَّكْبِيْرِ لِيُسَاعِدَ اللِّسَانُ الْقَلْبَ وَ خُرُوْجًا مِنْ خِلَافِ مَنْ اَوْجَبَهُ وَ اِنْ شَذَّ وَقِيَاسًا عَلَى مَا يَأْتِي فِي الحَجِّ الْمُنْدَفع بِهِ التَّشْنِيْع بِاَنَّهُ لَمْ يُنْقَلْ .أه

Dan disunatkan bertutur dengan barang yang diniatkan dahulu sedikit daripada takbiratul ihram.Supaya menolong oleh lidah akan hati.Dan supaya keluar daripada khilaf orang yang mewajib akan dia akan berlafaz dengan niat pada tiap-tiap ibadat" dan jika sangat-sangat dhaif sekalipun.[8]Dan kerana diqiaskan atas barang yang akan datang dalam kitab Al-Hajj

---

[6] Yakni telitilah dan fahami baik-baik ibarat kitab tersebut.

[7] Amin fatwa yakni setiausaha fatwa

[8] Yakni sekalipun pendapat yang mengatakan wajib berlafaz itu adalah pendapat yang sangat dhaif.

,tertolak dengannya inkar orang yang meinkarkan dengan bahawasanya tiada dinaqalkan.

Dan adapun ibarat At-Tuhfah dalam kitab Al-Hajj dalam fasal al-muhrim muka 55 dalam juz yang keempat,maka iaitu :

الْمُحْرِمِ اى مُرِيْدُ الاِحْرَامِ يَنْوِى بِقَلْبِهِ وُجُوْبًا لِخَبَرِ اِنَّمَا الْاَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَ لِسَانِهِ نَدْبًا لِلْاِتِّبَاعِ. اه

Bermula orang yang berkehendak mengerjakan ihram berniat ia dalam hatinya – wajib.Kerana khabar bahawasa tiada sah segala amal pada syara' melainkan dengan niat.Dan berlafaz ia dengan lidahnya – sunat.Kerana mengikut akan Nabi shollallahu 'alaihi wasallam.Maka berkata ia :

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَ اَحْرَمْتُ بِهِ لِلّٰهِ تَعَالَى لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ الخ

Sahaja aku mengerjakan haji dan ihramlah aku dengannya lillahi taala,Labbaikallumma labbaik..hingga akhir.

Maka telah kita ketahui daripada nash-nash yang tersebut bahawasa berlafaz dengan niat sembahyang ,yakni berkata dengan ushalli ..hingga akhir..iaitu sunat.

Oleh yang demikian janganlah kita tertipu dengan perkataan orang-orang yang mengatakan berlafaz dengan niat itu bid'ah.Kerana sesat faham mereka itu.

Dan berpeganglah kita dengan perkataan-perkataan ulama' – ulama' yang masyhur dan kitab- kitab mereka itu.Bagaimana yang telah saya sebutkan di atas ini.

Ingatan yang ringkas.

Bahawasa asal pada segala hukum syar'iyyah bahawa tiada diambil satu daripadanya melainkan daripada Kitabullah (Quran) atau Sunnah Rasulullah shollallahu 'alaihi wasallam pada perkataan atau perbuatan atau daripada ijma' atau qias yang shahih.

Dan dua perkara ini kembali kedua-dua itu pada hakikat kepada Kitabullah dan Sunnah Rasulullah shollallahu 'alaihi wasallam.

Maka oleh yang demikian tiada harus bagi seseorang manusia bahawa berkata ia pada satu perkara daripada beberapa perkara ini fardhu atau wajib atau sunat atau harus atau makruh atau haram atau shahih atau fasid atau mani' atau sebab atau syarat melainkan adalah perkataannya itu diambil daripada dalil daripada dalil-dalil yang empat yang menunjuk ia atasnya akan sebagai tunjukkan yang shahih.

و الله اعلم بالصواب

ربنا لا تزغ قلوبنا بعد اذ هديتنا وهب لنا من لدنك رحمة انك انت الوهّاب

Telah tamatlah saya menulis Jogan Perikatan ini dengan ringkas sahaja pada 3 Zulqa'idah tahun 1346 bersamaan tahun Masihi 1928 dalam Muar Bandar Maharani – Johor.

Walhamdulillahi Robbil 'alamin.AMIN.

Ahqarul wara ;

Haji Abu Bakar Bin Haji Hasan Al-Muari

TAUFAN YANG MEMALUI

ATAS HURAIAN HAJI THAHIR

AL-MINANGKABAWI

Pada menjawab akan perkataan yang ia berkata sembahyang qobliah Jumaat itu bidaah.

Oleh

Haji Abu Bakar Bin Haji Hasan

Muar Johor

Translaterasi ke rumi :

Abu Al-Baqir

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد

و على آله و صحبه اجمعين. أما بعد :

Adapun kemudian daripada itu , maka pada 1 Rabiul awwal tahun 1351 maka mehadiah oleh seseorang daripada sahabat-sahabat saya akan sebuah kitab yang bernama " Huraian yang membakar : taman persuraian Haji Bakar " pada menyatakan dua rakaat qobliyyah Jumaat karangan Tuan Haji Thahir Jalaluddin Al-Minangkabawi.

Kemudian saya pun baca akan kitab itu dari awal hingga akhirnya.Maka saya dapati ada dua belas orang daripada ulama' wahabi yang ada dalam Mekah dan daripada anak-anak murid Muhammad Abduh dalam Mesir yang memuji dan mengaku akan kitab itu .

Dan tujuan kitab itu mei'tiradh akan kitab saya yang bernama "Taman Persuraian" yang menjawab dan membatalkan perkataan-perkataan Tuan Haji Thahir Al-Minangkabawi yang mengatakan sembahyang qobliyyah Jumaat itu bid'ah yang ada tersebut dalam kitabnya yang bernama "Tazkiratu muttabi'i as-sunnah fi ma uf'alu qobla wa ba'da al-Jumuah".

Maka oleh sebab kedua-dua belas orang itu menyokong dan memuji akan kitab Huraian yang membakar itu,tidak patut pula saya tidak mehargakan kitab yang dipuji oleh mereka itu.

Maka oleh yang demikian , pada 5 Rabi'ul awwal 1351 saya tuliskan sedikit pada menjawab akan kitab huraian yang membakar itu dengan ringkas sahaja; jangan tidak.Kerana tiada berapa faedah pada hendak melanjutkan pada soal jawab dalam perkara sembahyang qobliyyah Jumaat.Kerana bahawasa adalah hukumnya iaitu sunat.Dan iaitu telah masyhur pada sekelian orang-orang Islam yang ada empunyai ilmu agama Islam yang sebenar yang bermazhabkan dengan mazhab Imam Syafi'I dan mazhab Imam Hanafi.

Dan saya nama akan kitab ini : Taufan yang memalui ; atas huraian Haji Thahir Al-Minangkabawi pada menyatakan sunat sembahyang qobliyyah Jumaat.

Bandar Maharani Muar – Johor

5 Rabi'ul awwal 1351 bersamaan 1932

Oleh :

Haji Abu Bakar Bin Haji Hasan

Ketahui olehmu bahawasa adalah sembahyang qobliyyah Jumaat (dahulu daripada Jumaat) iaitu sunat bagaimana yang ada tersebut dalam Sunan Abi Daud dan Ibnu Majah dan lain.

Dan bagaimana kata ulama' Syafi'iyyah yang masyhur yang ada tersebut dalam kitab-kitab mereka itu yang masyhur yang berpegang dan beramal dengannya oleh sekelian orang-orang Islam yang ada dalam dunia ini yang mengikut akan Mazhab Imam Asy-Syafie radhiallahu 'anhu.

Dan setengah daripada mereka itu iaitu :

1.Al-allamah Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj dan dalam Al-Khulashah dan lain.

2.Al-allamah qadhi al-qudhah syeikh masyaikh al-Islam Abu Yahya Zakariyya Al-Anshari dalam Syarah Manhaj Ath-Thullab dan lain.

3.Al-Allamah Ibnu Hajar Al-Haitami dalam At-Tuhfah dan dalam Fathul Jawad dan lain.

4.Al-Allamah Ibnu Qasim dalam Hasyiah At-Tuhfah.

5.Al-Allamah Syamsuddin Muhammad Ar-Ramli dalam Nihayatul Muhtaj dan lain.

6.Al-Allamah Yusuf Al-Ardibli dalam Anwar.

7.Al-Allamah Jalaluddin Al-Mahalli dalam syarah Minhajuttholibin.

8.Al-Allamah Syihabuddin Al-Qolyubi dalam Hasyiah atas syarah Al-Allamah Jalaluddin Al-Mahalli.

9.Al-Allamah 'Umairah dalam Hasyiah atas syarah Al-Allamah Jalaluddin Al-Mahalli.

10.Al-Allamah Asy-Syeikh Al-Khatib Asy-Syarbini dalam Mughni Al-Muhtaj dan lain.

11.Al-Allamah Asy-Syeikh Ibrahim Al-Barmawi dalam Hasyiahnya atas syarah Al-Ghayah.

12.Al-Allamah Asy-Syihab Abi Abbas dalam Hasyiah atas syarah Ar-Raudh.

Dan beberapa banyak ulama'-ulama' yang masyhur lagi,tiada saya sebutkan di sini .Dan sekelian mereka itu mengatakan sembahyang qobliyyah Jumaat itu sunat.Bolehlah lihat dalam kitab-kitab yang tersebut.

Dan telah datang beberapa hadis Nabi s.a.w yang menunjukkan sembahyang qobliyyah Jumaat itu sunat.

Dan setengah daripadanya iaitu bagaimana kata Imam Al-arifin Al-Allamah Sidi Muhammad Az-Zarqani atas shahih Al-Muwattha' bagi Imam Al-Aimmah dan 'Alim Al-Madinah Malik Bin Anas dalam juz yang pertama pada muka 306 ;

Telah berkata Ibnu Batthal bahawasa telah menyebut Ibnu Umar : bermula Jumaat itu ialah kemudian daripada masuk

waktu Zohor.Kerana Nabi s.a.w adalah ia sembahyang sunat Jumaat dalam rumahnya.Bersalahan sembahyang sunat Zohor.

Katanya ; adalah hikmat padanya bahawasa Jumaat apakala adalah ia ganti daripada Zohor dan diiqtisharkan (dipendekkan) padanya atas dua rakaat , meninggal ia s.a.w membuat sembahyang sunat kemudian daripada Jumaat dalam masjid kerana takut bahawa disangka oleh manusia bahawasa sembahyang sunat itu iaitulah yang dibuang yakni yang dipotong daripada sembahyang Zohor.Maka jadilah fardhu Zohor itu tinggal lagi dua rakaat.

Dan atas ini hikmat , maka tiada memperbuat ia s.a.w akan sembahyang sunat dahulu daripada Jumaat yang berhubung dengannya (dengan Jumaat) dalam masjid [1].

Kerana makna inilah takut disangka oleh manusia akan yang tersebut.

Dan [2] kerana riwayat Abi Daud dan Ibnu Hibban daripada Ayyub daripada Nafi' ;

قَالَ كَانَ ابْنُ عُمَرَ يُطِيْلُ الصَّلاَةَ قَبْلَ الْجُمُعَةِ وَ يُصَلِّى بَعْدَهَا رَكْعَتَيْنِ فِى بَيْتِهِ وَ يُحَدِّثُ اَنَّ النَّبِىَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَفْعَلُ ذَلِكَ وَ احْتَجَّ بِهِ النَّوَوِىُّ فِى الْخُلاَصَةِ عَلَى إِثْبَاتِ سُنَّةِ الْجُمُعَةِ الَّتِى قَبْلَهَا اه.

Katanya ; adalah Ibnu Umar memanjang ia akan sembahyang dahulu daripada Jumaat dan sembahyang ia kemudian daripadanya dua rakaat dalam rumahnya.Dan mekhabar ia bahawasa Nabi shollahu 'alaihi wasallam adalah ia memperbuat akan yang demikian.Dan telah dijadikan hujjah dengannya oleh Imam An-Nawawi dalam Al-Khulashah atas metsabitkan sunat Jumaat yang dahulu daripadanya (daripada Jumaat).

Dan telah berkata Tuan Haji Thahir Al-Minangkabawi dalam kitabnya yang bernama Huraian yang membakar pada muka 51 demikian katanya ;

Dan tiada terluput kita menyebutkan kepada tuan-tuan pembaca keadaan perbuatan Hadratul Fadhil Al-Haj Abi Bakar tatkala ia menaqal perkataan Al-Hafiz Al-'Asqalani pada perkara ini pada muka 7 daripada risalahnya sampai kepada perkataannya ; telah dijadikan dia hujah oleh An-Nawawi dalam Al-Khulashah atas metsabitkan sunat Jumaat yang ada dahulu daripadanya sahaja .

Dan tiada ia menaqal perkataannya bahawasanya ulama' telah menolak akan hujah An-Nawawi itu.Dan menyatakan kehendak perkataan Ibnu Umar radhiallahu 'anhuma dengan khabar yang dinaqalnya daripada Al-Imam Al-Laits Bin Sa'd daripada Nafi' daripadanya.Kerana jikalau Hadratul Fadhil ia menaqal akan yang demikian nescaya tiada didapatnya hujah pada yang

dinaqalnya itu.Tetapi perbuatannya itu merosakkan kepercayaan pada yang dinaqal dan yang dibangsakannya daripada aqwal kepada ahlinya.Intaha.Inilah perkataan Haji Thahir Al-Minangkabawi itu.

Saya jawab :

Betul saya tidak datangkan perkataan yang menolak akan hujah Imam An-Nawawi itu kerana tiada boleh kita berpegang dengannya.Dan bukan perkataan yang menolak itu ada tersebut dalam Fathul Bari bagi Imam Al-'Asqalani itu sahaja , tetapi ada tersebut juga dalam Syarah Shahih Al-Muwattha' bagi Imam Az-Zarqani.

Maka adalah perkataan keduanya demikian [ا] telah ditolak dengan bahawasa perkataan Ibnu Umar itu ;

و كان يفعل ذلك

" Dan adalah ia shallallahu 'alaihi wa sallam memperbuat ia akan yang demikian "

Iaitu kembali kepada sembahyang sunat ba'diahnya.Kerana riwayat Al-Laits daripada Nafi' ;

كَانَ عَبْدُ اللهِ إِذَا صَلَّى الْجُمْعَةَ إِنْصَرَفَ فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ قَالَ كَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ يَصْنَعُ ذَلِكَ . أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ

(Adalah Abdullah apabila ia sudah sembahyang Jumaat berpaling ia daripada masjid maka sembahyang ia dua rakaat di rumahnya.Kemudian berkata ia ;adalah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam memperbuat ia akan yang demikian.Dikeluarkan dia oleh Muslim)

Dan adapun perkataan Ibnu Umar itu ;

وَكَانَ يُطِيْلُ الصَّلَاةَ قَبْلَ الْجُمُعَةِ

(Dan adalah ia yakni Ibnu Umar memanjang ia akan sembahyang dahulu daripada Jumaat)

(ب) Maka jika kehendaknya kemudian daripada masuk waktu ,maka tiada sah bahawa ada ini hadis marfu' .Kerananya (Nabi) shallallahu 'alaihi wasallam adalah ia keluar apabila telah gelincir matahari .Maka berbimbang ia dengan membaca khutbah kemudian dengan sembahyang Jumaat.

(ت) Dan jika ada kehendaknya dahulu daripada masuk waktu ,maka adalah yang demikian sembahyang sunat mutlaq bukan sembahyang sunat rawatib.Tiada boleh dijadikan hujah pada ini hadis bagi sunat Jumaat dahulu daripadanya.Tetapi ialah sunat mutlaq.Intaha

Saya jawab bagi yang bertanda [ا] :

Iaitu kembali kepada sembahyang ba'diah maka iaitu jauh daripada maknanya yang zahir.Dan adalah maknanya yang

zahir dikembalikan kepada barang yang diperbuat Ibnu Umar daripada sembahyang qobliah dan ba'diah Jumaat.

Dan tiada suatu kaedah dan tiada suatu dalil yang ada menunjukkan kepada ba'diah tidak kepada qobliah.Taammal.[9]

Dan adapun hadis yang diriwayat Al-Laits daripada Nafi' ;

كَانَ عَبْدُ اللهِ إِذَا صَلَّى الْجُمْعَةَ إِنْصَرَفَ فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ قَالَ كَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ يَصْنَعُ ذَلِكَ . أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ

Maka bahawasa ini hadis iaitu menunjukkan Nabi shallallahu alaihi wasallam sembahyang sunat ba'diah Jumaat di rumahnya maka iaitu betullah bagaimana kata Ibnu Umar itu.Tetapi bukan ini hadis menafikan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam tidak ada ia sembahyang qobliah Jumaat di rumahnya.Baik-baik faham jangan melarat.

Saya jawab bagi yang bertanda (ب) dan (ت) :

Bahawa adalah kehendak Ibnu Umar itu iaitu memanjang ia akan sembahyangnya kemudian daripada gelincir matahari dan dahulu daripada Nabi s.a.w membaca khutbah dan kemudian daripada telah sembahyang Nabi s.a.w sunat qobliah Jumaat di rumahnya s.a.w.

Oleh sebab ada perbuatan Nabi s.a.w yang demikian , berkhabar Ibnu Umar itu ;

---

[9] Yakni perhatikanlah baik-baik.

انَّ النَّبِيَّ صلّى الله عليه وسلم يَفْعَلُ ذَلِكَ

Bahawasa Nabi s.a.w memperbuat ia akan yang demikian.

Maka jika tidak ada Nabi s.a.w memperbuat akan yang demikian ,adakah berani Ibnu Umar berkata akan yang demikian dengan dusta.Saya percaya tentulah ia tidak berani.Taammal dan fahamkan baik-baik.

Maka jika tidak betul perkataan Ibnu Umar itu adakah berani diaku oleh Abi Daud dimasukkan dalam sunannya.

Dan lagi jikalau tidak betul ini hadis,adakah mahu Imam An-Nawawi menjadikan hujah dengannya dalam kitabnya "Al-Khulashah" pada metsabitkan sunat qobliah Jumaat.Dan bukankah yang mensyarahkan hadis Muslim itu Imam An-Nawawi itu juga.Apa Imam An-Nawawi itu bodoh ?

Dan jikalau tidak betul sembahyang qabliah Jumaat itu sunat daripada perbuatan Nabi s.a.w,adakah berani Imam An-Nawawi itu dan Syeikh Ibnu Hajar dan Syeikh Ar-Ramli dan Syeikhul Islam Zakariyya Al-Anshari dan Syeikh Khatib Asy-Syarbini dan lain mengatakan sunat sembahyang qobliah Jumaat itu dalam kitab-kitab mereka itu yang telah saya sebutkan dahulu yang diamal dengannya oleh sekelian ulama' Islam yang ada dalam dunia ini masyriq maghrib yang bermazhabkan dengan mazhab Imam Syafi'e.

Dan adakah seseorang Islam yang berakal ,yang berilmu berani mengatakan Imam An-Nawawi dan sekelian ulama'-ulama' yang tersebut itu palsu bagaimana sesetengah kaum yang mujtahid palsu yang ada pada hari ini.

Dan adakah ulama'-ulama' yang kemudian daripada Imam An-Nawawi dan kemudian daripada Ibnu Hajar dan Syeikh A-Ramli dan Syeikh Khatib Asy-Syarbini dan Syeikhul Islam Al-Anshari dan Syeikh Jalaluddin Al-Mahalli ada mengarang kitab-kitab dalam perkara ilmu feqah pada mazhab Asy-Syafi'e seperti mereka itu yang diaku dan yang dipakai oleh orang – orang Islam yang berilmu seluruh dunia ini sama ada di dalam Mekah atau dalam Mesir atau lain.

Dan bahawasa adalah orang yang me'itirad akan perkataan Ibnu Umar itu ialah dengan sangka-sangkanya (jika kehendaknya.....dan jika kehendaknya sahaja).Maka iaitu tiada boleh kita terima dengan sangka-sangka.

Dan lagi tiada disebutkan nama orang yang menolak akan perkataan Ibnu Umar itu ,kerana lemah dalil bagi penolaknya itu.

Dan adalah Imam Al-'Asqalani dan Imam Az-Zarqani sendiri tiada berani menolak akan perkataan Ibnu Umar itu.Cubalah muthala'ah kitab Fathul Bari bagi Imam Al-'Asqalani dalam juz yang kedua pada muka 355 dan syarah Imam Az-Zarqani atas syarah Al-Muwattha' dalam juz yang pertama pada muka 306.

Dan lagi ada tersebut dalam syarah Al-Allamah Jalaluddin Al-Mahalli atas Minhajutthalibin dalam juz yang pertama pada muka 207 mengatakan sembahyang dua rakaat dahulu daripada Jumaat itu sunat.Kerana hadis Ibnu Majah iaitu ;

جَاءَ سُلَيْكُ الْغَطْفَانِي وَ رَسُوْلُ اللهِ صلى الله عليه وسلم يَخْطُبُ فَقَالَ اَصَلَّيْتَ قَبْلَ اَنْ تَجِيءَ قَالَ لَا فَصَلِّ رَكْعَتَيْنِ وَ تَجَوَّزْ فِيْهِمَا .

Datang Sulaik Al-Ghathfani dan Rasulullah s.a.w dalam khutbah .Maka bersabda ia baginya ; adakah engkau sudah sembahyang dahulu daripada bahawa engkau datang.Katanya ; tiada.Sabdanya s.a.w ; maka sembahyang olehmu dua rakaat dan ringkaskan olehmu pada keduanya.

Dan adalah zahir makna ini hadis ; adakah engkau sudah sembahyang dahulu daripada engkau datang dari rumah engkau.

Dan kerana ini makna kata Al-Auza'I ;

اِنْ صَلَّى فِي الْبَيْتِ قَبْلَ اَنْ يَجِيْءَ فَلَا يُصَلِّي اِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ اه.

Jika ada ia sudah sembahyang dalam rumahnya dahulu daripada bahawa ia datang,maka jangan ia sembahyang lagi apabila ia masuk masjid .Intaha.

Lihatlah dalam Fathul Bari bagi Imam Al-'Asqalani atas Sahih Al-Bukhari dalam juz yang kedua pada muka 340.

Dan adalah makna perkataan Imam Al-'Auza'I iaitu jangan ia sembahyang lagi dengan niat qobliah Jumaat apabila ia masuk masjid kerana ia sudah sembahyang akan dia dirumahnya.Tetapi sunat ia sembahyang dua rakaat dengan niat tahiyyatul masjid.

Dan kata Al-Allamah Al-Qolyubi dalam Hasyiahnya atas Syarah Al-Allamah Jalaluddin Al-Mahalli dalam Juz yang pertama pada muka 207 :

قَوْلُهُ اَصَلَّيْتَ قَبْلَ اَنْ تَجِيْءَ صَرِيْحٌ فِي اَنَّهُ لَيْسَ الْمُرَادُ بِالرَّكْعَتَيْنِ تَحِيَةَ الْمَسْجِدِ بَلْ هُمَا سُنَّةُ الْجُمْعَةِ فَيَصِحُّ الاِحْرَامُ بِهِمَا بِقَصْدِ سُنَّةِ الْجُمْعَةِ وَ التَّحِيَّةُ دَاخِلَةٌ فِيْهِمَا وَ اِنْ لَمْ يَنْوِهَا الخ.

Bermula perkataannya – adakah engkau sudah sembahyang dahulu daripada bahawa engkau datang – iaitu sharih pada bahawasanya bukan dikehendakkan dengan dua rakaat itu tahiyyatul masjid,tetapi kedua ayat itu sunat Jumaat.Maka sah ihram dengan keduanya dengan niat sunat Jumaat .Dan sembahyang tahiyyat itu masuk dalam keduanya.Dan jika tiada ia meniat akan dia sekalipun.

Dan kata Tuan Haji Thahir Al-Minangkabawi dalam kitabnya yang bernama "Huraian yang membakar" pada muka 28 panjang lebar., demikian bunyinya :

Ketunggalan Ibnu Majah dengan tambahan "dahulu daripada engkau datang" itu sungguhnya telah menjadikan syaz dan tiada boleh dipakai akan dia ....(sehingga akhir katanya).

Saya jawab :

Tiada seorang daripada orang yang ada empunyai ilmu yang ada berkata bahawasa hadis Ibnu Majah ini tidak boleh dipakai melainkan daripada Tuan Haji Thahir Al-Minangkabawi itu sahaja yang berkata demikian.

Dimana kitab ada menyebutkan hadis Ibnu Majah ini tidak boleh dipakai,unjukkanlah.Hingga perkataan Abu Syamah yang dinaqal akan dia oleh Haji Thahir Al-Minangkabawi itu ke dalam kitab yang bernama Huraian yang membakar pada muka 30 pun tiada menetapkan ini hadis tidak boleh dipakai.

Tetapi kata Abu Syamah ; bermula perkataan yang diriwayatkan dia oleh Ibnu Majah "dahulu daripada engkau datang " itu diihtimalkan bahawa ada maknanya dahulu daripada engkau menghampir kepadaku bagi mendengar khutbah.Dan bukan dikehendaki dahulu daripada engkau masuk ke dalam masjid.Kerana bahawasa sembahyangnya dahulu daripada ia masuk ke masjid itu tiada disyariatkan...(sehingga akhir).

Maka inilah perkataan Abu Syamah itu.

Maka adalah ihtimal Abu Syamah itu boleh juga ,tetapi jauh daripada maknanya yang zahir.Dan adapun maknanya yang zahir inilah yang dijalankan oleh kebanyakkan ulama'-ulama' yang masyhur.Lihatlah perkataan Jalaluddin Al-Mahalli dan Al-'Auza'i dan perkataan Al-Qolyubi di atas ini.

Dan adapun perkataan Abu Syamah itu iaitu – kerana bahawasa sembahyangnya dahulu daripada ia masuk ke masjid itu tiada disyariatkan.

Maka saya jawab :

Adalah perkataannya itu tidak betul.Kerana adalah sembahyang Qobliah Jumaat itu setengah daripada sunat-sunat rawatib bagaimana kata Imam An-Nawawi dan lain bagaimana yang saya sebutkan dahulu.

Maka adalah waktunya iaitu daripada masuk waktu sembahyang fardhu hingga keluarnya.Maka sunat disembahyang akan dia sama ada dalam rumahnya atau dalam masjid.

Dan kata Ibnu Batthal ; bahawasa telah menyebut Ibnu Umar bermula Jumaat itu ialah kemudian daripada masuk waktu Zohor.Kerana Nabi s.a.w adalah ia sembahyang sunat Jumaat dalam rumahnya.Bersalahan sembahyang sunat Zohor.Dan adalah hikmatnya iaitu telah lalu saya sebutkan ,lihatlah di sana.

Maka oleh sebab telah didapati oleh Ibnu Hajar dan Jalaluddin Al-Mahalli dan lain,bahawasa orang yang meriwayat akan ini hadis iaitu adil lagi dipercayai akan dia lagi kuat pengingatnya .Menjadi mereka itu akan dia dalil bagi sunat qobliah Jumaat dalam kitab-kitab mereka itu.maka jikalau tidak betul ini hadis adakah munasabah bagi Syeikh Ibnu Hajar dan Syeikh Jalaluddin dan lain ,mengambil dalil dengannya bagi sunat qobliah Jumaat.

Ketahui olehmu,bahawasanya apabila bersalah-salahan ulama' daripada perkataan Asy-Syeikhain (Ar-Rafi'i dan An-Nawawi) menjalan oleh mereka itu kepada berpegang dengan perkataan Al-Allamah Ibnu Hajar dalam segala kitab-kitabnya.Istimewa pula dalam At-Tuhfah kerana telah dibaca akan dia kepada pengarangnya oleh beberapa ulama' al-muhaqqiqin yang tiada dapat dihinggakan .Dan telah metashih oleh mereka itu akan dia dengan seberapa cermat.

Dan demikian juga menjalan oleh mereka itu kepada berpegang dengan perkataan Al-Allamah Muhammad Ar-Ramli ,istimewa pula dalam kitabnya yang bernama An-Nihayah.Kerana telah dibaca akan dia kepada pengarangnya 400 ulama' al-muhaqqiqin.Dan telah metashih oleh mereka itu akan dia sehabis-habis cermat .

Demikianlah kata As-Sayyid Al-Bakri dalam 'Ianatutthalibin dalam juz yang keempat pada muka 230 lihatlah di sana.

Dan tiada seorang pun hingga hari ini yang ada mengatakan salah perkataan dan ibarat Ibnu Hajar yang ada dalam At-Tuhfah melainkan Tuan Haji Thahir Al-Minangkabawi yang ada mengatakan perkataan Ibnu Hajar paling punggung .Lihatlah dalam kitabnya yang bernama Tazkirah Muttab'i As-Sunnah .

Tetapi yang saya dapati perkataan Tuan haji Thahir yang paling punggung lihatlah perkataan saya yang membatalkan perkataannya itu yang ada saya sebutkan dalam "Taman Persuraian" pada muka 19 hingga muka 21.

Dan telah berkata Al-Allamah Zainuddin dalam Fathul Mu'in dalam Juz yang keempat pada muka 230 ;

Ketahui olehmu bahawasa yang mu'tamad pada mazhab bagi mehukum dan fatwa iaitu barang yang ittifaq atasnya oleh Asy-Syeikhan (Ar-Rafi'I dan An-Nawawi) .Maka barang yang mejazam akan dia oleh Imam An-Nawawi ,maka barang yang mejazam akan dia oleh Imam Ar-Rafi'i - maka barang yang dirajih akan dia oleh kebanyakkan daripada ulama'.Maka orang yang terlebih alim ,maka orang yang terlebih wara'.

Telah berkata guru kami ;

Inilah barang yang telah ittifaq atasnya oleh ulama' al-muhaqqiqin al-mutaakkhirin dan barang yang telah diwasiat dengan menyuruh berpegang dengannya oleh segala guru-guru kami.

Dan kata Imam As-Samhudi ;

Sentiasa segala guru-guru kami berwasiat akan kami dengan memberi fatwa dengan barang yang ada atasnya oleh Asy-Syaikhan (Imam Ar-Rafi'I dan Imam An-Nawawi).Dan jika dibangkang akan kita daripada kebanyakkan barang yang menyalahi oleh Imam Ar-Rafi'I dan Imam An-Nawawi sekalipun.

Dan kata guru kami Ibnu Ziad ;

Wajib atas kita pada ghalib barang yang ditarjih akan dia oleh Asy-Syaikhan (Imam Ar-Rafi'i dan Imam An-Nawawi).Dan jika dinaqalkan daripada kebanyakkan ulama' menyalahi akan dia yakni akan barang yang ditarjih akan dia oleh Imam Ar-Rafi'I dan Imam An-Nawawi sekalipun.Intaha.

(Ringkasan)

Maka telah kita dapati akan perkataan Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj dan lain mengatakan sembahyang qobliah Jumaat itu sunat.

Dan adalah perkataannya yang di dalam Al-Minhaj itu iaitu :

وَ بَعْدَ الْجُمْعَةِ أَرْبَعٌ وَ قَبْلَهَا مَا قَبْلَ الظُّهْرِ و الله اعلم

Dan disunatkan kemudian daripada Jumaat empat rakaat dan dahulu daripadanya barang yang dahulu daripada Zohor.

Wallahu 'alam

Dan demikian juga kata Syeikh Ibnu Hajar dan Syeikh Ar-Ramli dan Syeikh Khatib Asy-Syarbini dan Syeikh Jalaluddin Al-Mahalli dan Syeikhul Islam Zakariyya Al-Anshari dan lain daripada mereka itu.

Sekelian mereka itu menyebutkan dalam kitab-kitab mereka itu mengatakan sembahyang qobliah dan ba'diah Jumaat itu sunat.

Maka oleh beberapa sebab yang telah lalu sebutnya,jangan kita hiraukan dan jangan kita perdulikan siapa-siapa juga mengatakan sembahyang qobliah Jumaat itu bid'ah.Dan hendaklah kita berpegang dan memberi fatwa bagaimana barang yang telah ditetap oleh Imam An-Nawawi dan ulama'-ulama' yang masyhur dalam kitab-kitab mereka itu yang telah saya sebutkan dahulu.

Dan telah tersebut dalam kitab Huraian yang membakar pada muka 17 pada tentang perkataan Imam An-Nawawi rahimahullah yang ada tersebut dalam syarahnya atas Shahih Muslim Juz yang kelima dalam muka 149 dan iaitu ;

Sungguhnya telah berkata Imam Malik dan Imam Abu Hanifah dan Imam Asy-Syafi'I dan kumpulan ulama' daripada sahabat dan attabi'in dan yang kemudian daripada mereka itu – tiada harus Jumaat melainkan kemudian daripada gelincir matahari.Dan tiada menyalahi pada ini melainkan Imam Ahmad

Bin Hanbal dan Ishaq ,maka keduanya ini mengharuskan sembahyang Jumaat dahulu daripada gelincir matahari.

Berkata Al-Qadhi 'Iadh dan telah diriwayatkan pada perkara ini beberapa banyak kenyataan daripada sahabat tiada sah daripadanya sesuatu pun melainkan barang yang ada atasnya al-Jumhur.

Saya jawab :

Adalah perkataan Imam An-Nawawi sangat-sangat betul ,yakni tiada sah sembahyang Jumaat dahulu daripada gelincir mathari melainkan kemudian daripadanya.

Tetapi sunat disegerakan dan sunat disembahyangkan qobliah Jumaat dahulu daripada Jumaat,bagaimana kata Imam An-Nawawi itu dalam kitabnya yang bernama MinhajutThalibin dan iaitu :

وَ بَعْدَ الْجُمْعَةِ أَرْبَعٌ وَ قَبْلَهَا مَا قَبْلَ الظُّهْرِ و الله اعلم

(Dan sunat kemudian daripada Jumaat empat rakaat dan barang yang dahulunya iaitu barang yang sunat dahulu daripada Zohor .Wallahu 'alam)

Dan bagaimana kata Ibnu Umar yang telah dahulu sebutnya ;

انَّ النَّبِيَّ صلّى الله عليه وسلم كَانَ يَفْعَلُ ذَلِكَ

(Bahawasa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam adalah ia mengerjakan yang demikian)

Yakni sembahyang dahulu daripada Jumaat dan kemudian daripadanya.

Dan bagaimana kata Ibnu Batthal yang telah lalu sebutnya.Dan bagaimana kata Ibnu Hajar dan Syeikh Ar-Ramli dan Syeikh Khatib asy-Syarbini dan Syeikhul Islam Zakariyya Al-Anshari dan Syeikh Jalaluddin Al-Mahalli dan lain daripada mereka itu daripada ulama' al-muhaqqiqin as-shalihin.

Cubalah muthalaah dan taammul baik-baik akan perkataan ulama yang tersebut dalam kitab-kitab mereka itu .

Apa ada atau tidak mereka itu berkata bagaimana yang saya sebutkan.Dan apa adakah berlawanan antara perkataan-perkataan Imam An-Nawawi dalam syarah Muslim yang tersebut.Dan di antara perkataan-perkataannya yang ada dalam MinhajutThalibin dan lain dalam perkara masalah ini.Dan adakah berlawanan antara perkataannya dan antara perkataan ulama-ulama yang masyhur yang saya sebutkan dahulu.Allahu yahdi man yasya'.

Ya Ikhwanna Al –Muslimin.

Pandanglah perkataan Tuan Haji Thahir al-Minangkabawi yang mengatakan sembahyang qobliah Jumaat itu bid'ah .Yang ada tersebut dalam kitabnya yang bernama Huraian yang membakar pada muka 63 demikian bunyinya ;

“Maka berkata ia (Haji Bakar bekas qadhi Muar) bahawasanya Nabi shallallahu alaihi wasallam telah menyuruh orang-orang mengerjakan sembahyang qabliah Jumaat.

Padahal jikalau tuan-tuan periksa segala kitab-kitab yang telah dikarang akan dia oleh al-ulama’ al-muhaqqiqun nescaya tiada tuan-tuan dapat daripada mereka itu seorang pun yang berani mendatangkan seumpama yang didatangkan dia oleh Haji Bakar bekas qadhi Muar yang telah memilih bagi dirinya kebinasaan dan tempat kedudukkan dalam api neraka Jahannam itu.Sebab kesukaan dan kegemarannya menunjukkan kepada orang bahawasanya ia seorang laki-laki yang empunyai ilmu yang luas dan pengetahuan yang besar yang telah menyampaikan dia kepada yang tiada boleh sampai kepadanya orang-orang yang dahulu dan yang kemudian daripada keadaannya dapat mengetahui perintah Nabi Muhammad Shollallahu alaihi wasallam yang menyuruh orang mengerjakan sembahyang qobliah Jumaat ini dengan khususnya.

Na’uzu billahi minal jur”ati ala Rasulillah.Intaha.

Maka saya jawab :

Akan perkataan Haji Thahir Al-Minangkabawi itu dengan ringkas sahaja.Dan saya tidak suka hendak menjawab akan perkataannya yang cemar itu.Tetapi kasihan dalam hati saya mendengarkan perkataan Haji Thahir Al-Minangkabawi itu.

Bagaimanakah perasaannya berani ia berkata ; jikalau tuan-tuan periksa segala kitab-kitab yang telah dikarang akan dia oleh Al-ulama' Al- Muhaqqiqun nescaya tiada tuan-tuan dapat bagaimana seumpama yang didatangkan dia yakni metsabitkan sunat qobliah Jumaat.

Padahal telah menyebut oleh beberapa banyak ulama' dalam kitab-kitab mereka itu yang telah saya sebutkan dalam kitab Taman Persuraian akan nama kitab-kitab mereka itu dan nombor mukanya.

Dan sekarang saya sebutkan lagi akan nama-nama ulama' yang mengatakan sembahyang qobliah Jumaat itu sunat dan nama-nama kitab mereka itu dalam "Taufan yang memalui" ini yang telah lalu sebutnya.Di sinilah nampak siapa yang benar.

Dan apakah perasaan Haji Thahir Al-Minangkabawi itu pula pada memandang sekelian orang-orang Islam yang bermazhabkan dengan Mazhab Imam Asy-Syafie dan yang bermazhabkan dengan Mazhab Imam Abu Hanifah beribu-ribu million manusia (Arab , Turki , Farsi , Bukhara , India,seluruh tanah melayu,tanah jawi dan lainnya) yang sembahyang qobliah Jumaat hingga hari ini.

Apa Haji Bakar yang menyuruh akan sekelian mereka itu yang million-milion sembahyang qobliah Jumaat ? Dan apa Haji Bakar yang menyuruh Imam An-Nawawi sembahyang qobliah Jumaat ? Dan apa Haji Bakar yang menyuruh akan Imam An-

Nawawi menyebut di dalam kitabnya yang bernama Minhaj At-Thalibin mengatakan sunat sembahyang qobliah Jumaat ?

Dan apa perasaan tuan memandang akan umur Haji Bakar ini agaknya sudah 1351 tahun.Sebab orang-orang Islam itu sembahyang qobliah Jumaat selama-lama ini dengan suruhan Haji Bakar.Geli hati saya mendengarnya.

Dan telah berkata Haji Thahir Al-Minangkabawi itu dalam kitabnya yang bernama Tazkirah muttabi'i sunnah pada muka 32 demikian bunyinya :

"Bahawasanya mereka itu menyangka akan sembahyang dua rakaat qobliah Jumaat itu ibadat yang dituntut akan dia oleh syariat dari sebab mereka itu menengok tuan-tuan guru,tuan-tuan habib ,pak syeikh-pak syeikh,pak haji-pak haji ,pak lebai-pak lebai tekun mengerjakannya".

Adalah perkataan-perkataan Tuan Haji Thahir itu tuan-tuan yang berilmu sahaja yang menimbangkan.

Dan telah berkata Tuan Haji Thahir Al-Minangkabawi dalam kitab Huraian yang membakar pada muka 18 demikian bunyinya :

" Dan dalam al-Bukhari daripada hadis Sahl Bin Sa'd radhialahu 'anhu katanya;tiadalah kami mengambil kerehatan daripada pekerjaan kami dan tiada kami makan pagi melainkan kemudian daripada Jumaat .Dan padanya daripada Anas

radhiallahu anhu katanya ;adalah kami berpagi-pagi (bersegera) pergi ke Jumaat dan kemudian daripada Jumaat baharulah kami mengambil kesenangan diri kami hingga akhir perkataannya beberapa panjang".

Saya jawab :

Betullah bagaimana yang tersebut dalam Bukhari .Tetapi bukan kesemuanya sahabat-sahabat Nabi shallallahu alaihi wasallam yang ada dalam Madinah mengerjakan yang demikian.Tetapi ialah setengah-setengah daripada mereka itu.

Maka jikalau ada sekelian mereka itu mengerjakan yang demikian tidaklah Nabi shallallahu alaihi wasallam menunggu dan menanti akan orang-orang datang ke masjid Rasulullah shallallahu alaihi wasallam pada hari Jumaat ,fahamlah tuan baik-baik.

Cubalah tuan baca perkataan Syeikh Ar-Ramli dalam Nihayatul Muhtaj dalam Juz yang kedua pada muka 59 demikian bunyinya :

" Dan adapun barang yang telah berlaku dengannya oleh adat dalam masa kita ini daripada perbuatan muraqqi yang berteriak yang keluar antara hadapan khatib berkata ia ;Innallaha wa malaikatahu hingga akhir ayat.Kemudian mendatang ia dengan hadis .Maka tiada baginya asal pada sunnah seperti barang yang telah difatwa dengannya oleh Al-Walid rahimahullah.Dan

tiada diperbuat akan dia antara hadapan Nabi shallallahu alaihi wasallam.Tetapi adalah ia menunggu pada hari Jumaat hingga berkumpul manusia.

Maka apabila telah berkumpul mereka itu keluar Ia shallallahu alaihi wasallam kepada mereka itu seorang diri dengan tiada jawisy yang memekik di hadapannya.Maka apabila naik ia atas mimbar berhadap ia kepada manusia dengan mukanya dan memberi salam atas mereka itu.Kemudian ia pun duduk dan memulailah Bilal itu bang.Maka apabila selesai ia daripadanya,berdiri Nabi shallallahu alaihi wasallam mengucapkan khutbah daripada ketiadaan perceraian antara bang dan khutbah dengan tiada atsar dan tiada khabar dan tiada lain.Dan sedemikian itu pada masa khulafa' yang ketiga kemudian daripadanya – maka telah diketahui bahawasa ini perbuatan bid'ah hasanah.

Kerana ada dibaca ayat yang mulia itu menjaga dan mengingatkan pada mendatangkan selawat atas Nabi shallallahu aaihi wasallam pada hari yang besar yang dituntut padanya membanyakkan membacanya.Dan pada membaca hadis kemudian daripada bang dan dahulu daripada khutbah iaitu menjaga dan mengingatkan bagi orang yang mukallaf bagi menjauhkan berkata-kata yang diharamkan atau yang dimakruhkan pada ini waktu iaitu atas bersalah-salahan ulama' padanya.

Dan sungguh adalah Nabi shallallahu alaihi wasallam bersabda ia hadis atas mimbar dalam khutbahnya dan khabar yang tersebut itu shahih.Intaha."

Dan zahir makna menunggu itu ialah kemudian daripada gelincir matahari.Apa tidakkah sempat siapa-siapa yang hadir dalam masjid sembahyangkan qobliah Jumaat apabila sudah gelincir matahari dan sebelum Nabi shallallahu alaihi wa sallam membaca khutbah.

Dan terkadang lewat Nabi shallallahu alaihi wasallam sembahyang Jumaat kerana sangat-sangat panas bagaimana yang ada tersebut dalam Hadis Al-Bukhari :

بَابُ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ يَوْمَ الْجُمْعَةِ

(Ini bab pada menyatakan apabila sangat panas pada hari Jumaat)

وَ كَانَ النَّبِيُّ إِذَا اشْتَدَّ الْبَرْدُ بَكَّرَ بِالصَّلاَةِ وَ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ أَبْرَدَ بِالصَّلاَةِ يَعْنِي الْجُمْعَةَ

Adalah Nabi shallallahu aaihi wasallam apabila sangat-sangat sejuk bersegera ia shallallahu alaihi wasallam dengan mengerjakan sembahyang dan apabila sangat-sangat panas melewat ia akan sembahyang yakni sembahyang Jumaat.

Dan telah kita ketahui bahawasa Nabi shallallahu alaihi wasallam adakalanya segera ia sembahyang Jumaat dan

adakalanya lewat ia daripadanya dengan sebab-sebab tersebut.

Maka apabila ia shallallahu alaihi wasallam lewat masuk masjid tidakkah boleh orang-orang yang hadir dalam masjid sembahyangkan qobliah Jumaat.Dan jikalau tidak sempat ,tidakkah boleh mereka itu sembahyangkan qobliah Jumaat kemudian daripada Jumaat.Dan tidakkah jatuh ada' (tunai) juga.Dan bukankah waktu sembahyang sunat rawatib yang dahulu daripada sembahyang fardhu dengan masuk waktunya yakni waktu sembahyang fardhu.

Dan adapun perkataan Haji Thahir Al-Minangkabawi dalam kitab Huraian yang membakar pada muka 19 .Maka kita berkata adalah perkataannya yakni "dengan Jumaat" iaitu diihtimalkan bahawa ada ia perkataan at-tabi'i (Ibnu Khuldah) dan fahamnya sahaja.maka tiada boleh dijadikan hujjah atau diihtimalkan bahawa ada ia daripada naqalnya daripada Saidina Anas.

Akan tetapi hadis ini telah diriwayatkan dengan beberapa jalan daripada Saidina Anas dan tiada padanya sebutan jumaat ...(sehingga akhir).Maka adalah perkataan Haji Thahir al-Minangkabawi itu tinggalkanlah ia di situ dengan halnya.Dan kita hendaklah berpegang dengan perkataan Imam Al-Bukhari dan hadis yang diriwayatnya itu.

Kerana Imam Al-Bukhari itu telah menentukan bahawa kehendak sembahyang pada hadis ialah sembahyang Jumaat.Dari sebab itu katanya ;

بَابُ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ يَوْمَ الْجُمْعَةِ

Apa sembahyang fardhu pada hari Jumaat ?.Tidakkah sembahyang Jumaat dan sembahyang Asar.Dan apa waktu yang sangat-sangat panas dalam musim panas ? Tidakkah dalam waktu Zohor .Dan apa sembahyang fardhu pada hari Jumaat dalam waktu zohor? Tidakkah sembahyang Jumaat.Fahamkanlah halus-halus sedikit dan cermat insya Allah selamat.Janganlah bodohkan Imam Al-Bukhari !!.

Dan apabila Nabi lewat sembahyang Jumaat dengan sebab yang tersebut,tidakkah boleh orang-orang yang hadir dalam masjid sembahyangkan qobliah Jumaat .Taammal.

KHATIMAH

Maka telah kita baca akan kitab Huraian yang membakar.Dan saya dapati ada dua belas orang yang menyokong dan mengaku akan kitab Huraian yang membakar itu.Kesemuanya mereka itu mengatakan sembahyang qobliah Jumaat itu bid'ah.

Dan setengah daripada mereka itu daripada bangsa Mesir anak murid Muhammad Abduh dan setengah daripada mereka itu ulama' wahhabi yang ada dalam Makkah.

Dan setengah daripada ulama' Makkah itu daripada bangsa Mesir dan setengah daripada arab Makkah dan daripada bangsa Melayu iaitu Muhammad Nor Fathani pengarang kitab-kitab wahhabi dalam perkara ushuluddin dan lain.Dan saya tahu dan kenal betul akan dia.Oleh yang demikian tidaklah pelik pada saya .Dan sayang sedikit sekelian mereka itu tiada menyatakan apa mazhabnya ,tetapi tidak apa juga.

Adapun orang-orang yang dikatakan ulama' itu sama ada dalam Mesir seperti Sayyed Rasyid Redha (Shohibul Manar) dan Asy-Syeikh Thanthawi Jawhari atau yang di dalam Makkah seperti Abu As-Samah dan Ahmad Al-'Adawi dan lain yang mengaku akan kitab Huraian yang membakar itu ,maka ada orang kita Melayu yang duduk di Mesir menuntut ilmu di sana yang kenal dan tahu akan hal-hal mereka itu bagaimana yang ada tersebut dalam suratkhabar Lidah Benar 4 Muharram 1351 muka 7 demikian bunyinya :

Ini Huraian yang membakar

Taman Persuraian Haji Bakar

Inilah sebuah kitab karangan Al-Fadhil Syeikh Muhammad Thahir Jalaluddin .Al-Fadhil yang tersebut tidak membuang masa dari perjalanannya.Yang mana beliau sedang beredar di Mesir kira-kira 9 bulan beliau karang sebuah kitab guna menolak karangan Al-Fadhil Al-Haj Bakar fasal dua rakaat qobliah bagi Jumaat.

Al-Muallif sendiri hadiahkan sebuah kitab yang tersebut kepada saya.Berat tangan menerimanya bukan kepalang.Tetapi dipandang jauh arah......diterima jua pura-pura berkata terima kasih.

Itu kitab sekarang sudah bertolak dari Mesir bersama-sama dengan pengarangnya.Banyaknya seribu buah .Yang mana itu kitab akan sampai ke tanah jawi.

Wahai kaumku ! Ahlis Sunnah.Nampaknya kitab ini beerti membuang sebahagian ibadat kamu iaitu dua rakaat qobliah bagi Jumaat .Dan mempalsukan ulama'-ulama' yang mu'tabar.Dari jauh saya kirim nasihat kepada awam al-muslimin,jangan tertipu daya melihat kitab itu dan jangan dibenarkan sekali-kali.

Adapaun ulama' 12 orang membenarkan mengkuatkan kitab itu yang mana mereka itu ulama' dari Makkah dan dari Mesir semua belaka saya kenal dan mengerti sangat yang mereka masuk dalam golongan.Sungguhpun ada kamu lihat ulama' Azhar yang tersebut pada kitab itu ,tetapi sebenarnya bukan dalam golongan Azhar.bahkan itulah ulama' yang dibuangkan dari Azhar pada tahun yang lalu bagaimana yang berberita (60) orang ulama' Azhar dikeluarkan dari Azhar.Jangan kamu

anggap ulama' bahagian Azhar ada menolak dua rakaat qobliah itu .Kalla[10] ..(sehingga akhir)

Lisan Shorim.[11]

Banyaklah saya mengucapkan terima kasih kepada Lisan Sharim itu mengingat dan menjaga akan orang-orang yang awam supaya tiada terkena , terkeliru mereka itu.

Dan adalah orang-orang yang dikatakan ulama' itu yang memuji akan kitab Huraian yang membakar itu iaitu :

1- Abduz Zhahir Abus Samah Mishri
2- Abdur Razzaq Hamzah Mishri
3- Sulaiman Abazhah Mishri
4- Muhammad bahjah Al-baithar Mishri
5- Rasyid Redha Sohib Al-Manar Mishri
6- Ahmad Al-'Adawi Mishri
7- Thanthawi Mishri
8- Abdullah Qadhi Al-Wahhabi
9- Muhammad Nor Fathani pengarang usuluddin Al-wahhabi yang bernama Al-Hidayah As-Saniyyah wa At-Tuhfatus Al-Wahhabiyyah An-Najdiyyah
10- Admad yusof Gisti Banjar
11- Uthman Ar-Radhi Al-Makki
12- As-Sayyid Yusof Bin Ali Az-Zawawi

[10] Kalla yakni tidak sekali-kali.
[11] Yakni lidah yang tajam.

Ingat-ingat

Telah tersebut dalam hukmu haiah kibar al-ulama' al-azhar pada kitab Al-Islam dan Ushul Al-Hukm bagi karangan Asy-Syeikh Ali Abdur Razzaq salah seorang daripada ulama' Azhar yang telah dikeluarkannya dalam Mesir.Kemudian telah diperiksa akan kitab itu oleh ulama' Azhar.Maka telah didapati akan kitab Al-Islam dan ushul al-hukm itu menyalahi bagi Agama islam dan bagi nash-nash Quran al-Karim dan sunnah An-Nabi dan ijma' al-ummah.

Kemudian didakwa dan dibicarakan akan Abdur Razzaq itu di hadapan Hadratul Fadhilah Al-Ustaz Al-Akbar Asy-Syeikh Muhammad bin Al-Fadhl Syeikh Jami' Al-Azhar serta hadir bersama-samanya 24 orang ulama' yang besar-besar yang ada tersebut nama-nama mereka itu dalam hukmu haiah kibar al-ulama'.[12]

Kemudian daripada telah dibicara akan dia dan didapati akan kitab yang dikarangnya itu salah besar sebab menyalahi akan agama Islam.Dihukum akan dia dengan dikeluarkan dia daripada kumpulan ulama' dan tidak dibenar akan dia mengajar dalam Azhar .Oleh yang demikian jika ada sampai kepada kita kitab yang dikarang oleh Abdur Razzaq itu jangan diterima dan jangan kita pakai.

[12] Lembaga hukum para ulama.

Saya banyak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Thahir al-Minangkabawi itu yang ia telah membetul akan perkataannya yang paling punggung yang ada dalam kitabnya yang bernama "Tazkirah muttabi'issunnah" yang telah saya batal akan dia yang ada saya sebutkan dalam kitab saya yang bernama "Taman Persuraian" pada muka 19 hingga muka 21 lihatlah di sana.

Dan telah dibetulkannya lebih kurang sepuluh baris bukan dua tiga kalimah sahaja.Dan telah disebut akan dia pada kulit kitab Huraian yang membakar yang pertama pada sebelah dalamnya .Mudah-mudahan hilanglah terkeliru orang-orang yang awam pada mengikut akan perkataannya yang salah itu.Dan saya harap dapat ia membetulkan apa-apa yang salah lagi .Mudah-mudahan Allah kurniakan baginya pahala.

Bersalah-salahan mazhab pada sembahyang qobliah Jumaat dan ba'diahnya.

Adapun sembahyang qobliah Jumaat dan ba'diahnya ,maka iaitu sunat pada mazhab Imam Abu Hanifah akan sebagai sunat yang dituntut hampir kepada wajib dan dicela akan orang yang kekal meninggal akan dia.

Lihatlah dalam Ad-Durrul Mukhtar atas syarah Tanwir al-Abshar.Dan dalam Hasyiah Raddul Mukhtar dan dalam Al-Bahr.

Dan pada Mazhab Imam malik tiada sunat sembahyang kemudian daripada Jumaat dalam masjid .Kerana Nabi shallallahu alaihi wasallam adalah ia berpaling kemudian daripada Jumaat dan tiada sembahyang dalam masjid.

Dan kata Imam Ahmad Bin hanbal ; tiada sunat bagi Jumaat dahulu daripadanya dan kemudian daripadanya.Lihatlah dalam syarah Qasthalani dalam Juz yang kedua pada muka 184.

Dan apabila telah kita ketahui bahawasanya sembahyang qobliah Jumaat dan ba'diahnya itu bersalah-salahan mazhab yang empat.Maka barangsiapa hendak sembahyang qobliah Jumaat dan ba'diahnya ,maka ikutlah mazhab yang berkata sunat keduanya.Dan barangsiapa tidak hendak sembahyang qobliah Jumaat atau qobliah Jumaat dan ba'diahnya,maka ikutlah mazhab yang berkata tiada sunat .

وَ لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ وَ نَحْنُ لَهُ مُخْلِصُوْنَ

Dan bagi kami segala amal kami dan bagi kamu segala amal kamu padahal kami ikhlas baginya akan agama dan amal,tiada kamu.

Telah tamatlah saya menulis risalah ini pada 10 Rabiul Awwal tahun 1351m dalam Bandar Maharani.

سبحان ربك رب العزة عما يصفون و سلام على المرسلين و الحمد لله رب العالمين

Syeikh Abu Bakar Muar - Benteng pertahanan kaum tua

Oleh TUAN GURU WAN MOHD. SHAGHIR ABDULLAH

NAMA lengkapnya ialah Haji Abu Bakar bin Haji Hasan al-Muari bin Haji Ahmad bin Anggak bin Datuk Sijo Bukit Moh, Muar Bandar Maharani, Johor. Beliau dilahirkan pada tahun 1292 Hijrah/1875 Masihi, dan meninggal pada tahun 1357 Hijrah/1938 Masihi. Selama 34 tahun beliau berada di Mekah

untuk menuntut ilmu, iaitu ketika usianya enam tahun (1881 M/1299 H.) dan pulang ke tanah air pada tahun 1915 Masihi.

GURU-GURUNYA:

Semua ulama yang telah disebut dalam riwayat Syeikh Abdullah Fahim dan Abdul Lathif Melaka, adalah juga guru kepada Abu Bakar. Ulama yang paling rapat dengannya ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga.

Kepada ulama yang berasal dari Lingga, Riau itu beliau mendalami hadis Bukhari. Sementara Ilmu Qiraat dipelajarinya dan menerima ijazah daripada Syeikh Abdullah bin Qasim as-Sanquri, iaitu ulama yang berasal dari dunia Melayu yang menjadi ketua qiraat tujuh di Hijaz pada zaman itu.

Seperti Abdullah Fahim, beliau juga mendalami Ilmu Falak dan menerima ijazah daripada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani. Selain itu ada dua orang ulama, gurunya yang banyak disebut dalam tulisannya, iaitu Syeikh Muhammad Mukhtar bin Atharid Bogor dan Syeikh Umar bin Abdur Rasyid as-Sumbawi.

AKTIVITI:

Abu Bakar al-Muari adalah Qadi Muar dan pernah menjadi Mufti Johor, selama seminggu sahaja. Bersama-sama Abdullah bin Isa, Syed Abdul Qadir bin Muhammad, Abdus Syukur bin Ismail, Yusuf bin Muhammad, Syed Muhammad bin Othman bin Yahya, Haji Muhammad Yunus bin Haji Ibrahim dan Haji

Abu Bakar bin Haji Hasan, mereka menggubal `Undang-Undang Jam`iyah Percadangan' (Bandar Maharani Muar, Mac 1925, dicetak oleh Mathba'ah al-Khairiyah Muar 1925).

Abu Bakar al-Muari adalah pengasas Madrasah Al-Arabiyah Al-Khairiah di Muar. Beliau bukan hanya mendirikan madrasah, tetapi keterlibatannya di Bandar Muar meliputi keseluruhan aspek pembangunan di Muar, terutama sekali yang melibatkan urusan keIslaman.

MURID-MURIDNYA:

Murid-muridnya sangat ramai, bukan hanya murid di madrasah tetapi termasuk murid-murid yang menadah kitab di masjid, surau dan di rumahnya, sehingga beliau dikenali dengan nama `Haji Abu Bakar Alim'.

Di antara tokoh yang pernah mendapat pendidikan di Madrasah Al-Arabiyah Al-Khairiah ialah saudara sepupu beliau yang bernama Tan Sri Mohamed Noah. Setelah Mohamed Noah menerima pendidikan di madrasah tersebut, Abu Bakar lalu menghantarnya belajar ke Timur Tengah. Mohamed Noah adalah ayah mertua kepada allahyarham Tun Abdul Razak (Perdana Menteri Malaysia yang kedua).

Murid Abu Bakar yang lain ialah Ustaz Muhammad Yasin. Beliaulah yang meneruskan perjuangan pendidikan madrasah

yang diasaskan oleh gurunya itu. Muhammad Yasin adalah ayah kepada Tan Sri Muhyiddin Yasin .

Murid Abu Bakar yang lain ialah Datuk Haji Mohd. Noor. Di antara anak beliau ialah Datuk Haji Juma'at, bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, (sekarang Bendahari) Persatuan Sejarah Malaysia. Menurut keterangan Mohammad, anak kepada Abu Bakar Muar, kedua-dua tokoh di atas sangat memuji dan mengenang jasa orang tuanya (Abu Bakar).

Mohamed Noah pernah berkata, ``Kalaulah aku tidak dididik oleh sepupuku, Abu Bakar, tiadalah aku dapat ke Timur Tengah. Barangkali aku pun hidup dalam kejahilan tiada kenal hukum-hakam Islam ... ``.

Muhammad Yasin pula pernah berkata, ``Ketika aku akan belajar ilmu kemegahan dunia di Sumatera, setelah diketahui oleh Abu Bakar Alim, aku lalu dinasihatinya supaya belajar kepada beliau sahaja. Sekiranya aku melanggar nasihat beliau, mungkin aku menjadi seorang yang jahat."

KARYA-KARYANYA:

Abu Bakar al-Muari menghasilkan karangan dalam jumlah yang banyak. Ia ditulis dalam bahasa Arab dan Melayu. Oleh sebab ruangan yang disediakan sangat terbatas, semua karangannya tidak dapat disenaraikan di ruangan ini.

Keterangan ringkas hanyalah sebagai berikut, bahawa beberapa karyanya merupakan polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi al-Azhari. Walaupun Syeikh Tahir Jalaluddin adalah sahabatnya yang sama-sama belajar di Mekah, namun pendapat kedua-duanya adalah berbeza.

Abu Bakar merupakan benteng pertahanan Kaum Tua, sedangkan Syeikh Tahir Jalaluddin adalah pelopor pergerakan Kaum Muda. Abu Bakar juga mengarang risalah menolak pendapat Hasan Bandung. Sebuah lagi karyanya di dalam bahasa Arab juga menolak beberapa pendapat Sayid Rasyid Ridha, ulama Mesir, tokoh reformis yang sangat terkenal. Karya-karya Abu Bakar Muar yang bercorak polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin yang telah ditemui ialah Taman Persuraian, ditulis pada 6 Ramadan 1346 Hijrah/1927 Masihi di Muar, Bandar Maharani.

Kandungannya menyatakan tentang sunat sembahyang ba'diyah Jumaat dan qabliyahnya. Ia membatalkan perkataan Syeikh Thahir Jalaluddin al-Minankabawi, guru Madrasah Al-Haji Taib Parit Jamil Muar yang mengatakan sembahyang qabliyah itu bidaah. Dan menyatakan sembahyang sunat Tahiyatul Masjid, rumuz-rumuz ulama fikah, tarikh Imam ar-Rafi'ie, Imam an-Nawawi dan Ibnu Hajar al-Haitami. Dicetak oleh Mathba'ah al-Khairiyah, Muar (tanpa tarikh). Dicetak

dengan perbelanjaan ahli-ahli al-khair Johor, Muar, Segamat, Kota Tinggi dan Kukup.

Salah satu sebab penyusunan karya ini ialah pertanyaan Haji Utsman bin Haji Muhammad Said, guru agama Bandar Maharani, 14 Syaaban 1346 Hijrah. Surat dilampirkan pada halaman awal dan setelah pada halaman akhir dilampirkan surat Haji Utsman bin Haji Muhammad Said, tarikh, Bandar Maharani, 18 Zulhijjah 1346 Hijrah yang menyambut baik kitab ini.

Judul selanjutnya ialah Taufan Yang Memalui Atas Huraian Haji Thahir Al-Minankabawi. Diselesaikan 10 Rabiulawal 1351 Hijrah/1932 Masihi dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Jamiliyah, Muar, 1351 Hijrah/1932 Masihi. Kandungannya merupakan polemik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi, sebagai tanggapan atas karya yang berjudul Huraian Yang Membakar.

Di dalam Taman Persuraian Haji Bakar, yang dipersoalkan ialah mengenai sembahyang qabliyah Jumaat. Ia merupakan kelanjutan judul Taman Persuraian. Polemik dengan Hasan Bandung pula, Abu Bakar Muar menyusun risalah berjudul Majlis Uraian Muar-Johor. Diselesaikan 20 April 1932 Masihi dalam Bandar Maharani, Muar, Johor. Kandungannya menjawab dan membatalkan fatwa pengarang Al-Fatwa Persatuan Islam Bandung yang mengatakan babi itu najis

dimakan bukan najis disentuh, dan mulut anjing pun belum tentu najisnya. Salah satu sebab disusun karangan ini atas permintaan anggota Gubahan Setia Kelab Muar yang ditandatangani oleh ketuanya, Abdus Syukur bin Ismail bertarikh 2 April 1932. Surat tersebut dicetak pada halaman 1-2.

Mengenai sanggahan pendapat Sayid Rasyid Ridha selain dalam bahasa Arab, terdapat terjemahannya dalam bahasa Melayu yang diberi judul Sanggamara Dalam Perkara Menolak dan Membatalkan Perkataan Sayid Muhammad Rasyid Ridha Yang Berkata Dengan Niat Ushalli Itu Bid'ah. Sama ada yang dalam bahasa Arab atau pun yang dalam bahasa Melayu hingga kini belum ditemui.

Cogan Perikatan. Diselesaikan pada 3 Zulkaedah 1346 Hijrah/1928 Masihi, dalam Muar, Bandar Maharani, Johor. Cetakan yang pertama Mathba'ah al-Khairiyah, Muar, 15 Syawal 1346 Hijrah/1928 Masihi. Kandungan risalah ini juga merupakan polemik kerana mempertahankan pendapat golongan Mazhab Syafie daripada serangan Kaum Muda yang menolak mengucapkan lafaz `Ushalli'.

Karya Abu Bakar Muar selain yang bercorak polemik, dilengkapi pula dengan pelbagai disiplin ilmu, di antaranya tentang Ilmu Falak, ditulis dalam bahasa Arab. Ia masih dalam bentuk manuskrip dan belum diberi judul, diselesaikan pada 28

Rabiuakhir 1323 Hijrah/1905 Masihi di Mekah. Kandungan ilmu falakiyah merupakan syarah nazam al-Fadhil Abil Hasan Ali bin Abi ar-Rijal al-Katib al-Qairuani.

Ilmu Wafaq, juga dalam bahasa Arab. Ia masih dalam bentuk manuskrip dan belum diberi judul. Diselesaikan pada 1 Zulhijjah 1323 Hijrah/1905 Masihi di Mekah. Tentang faraid (cara-cara membahagi pusaka) ditulis kitab berjudul Nihayatut Taqrib fi Ma'rifatil Irtsi wat Ta'shib, juga dalam bahasa Arab. Ia masih dalam bentuk manuskrip dan diselesaikan pada 28 Jamadilawal 1324 Hijrah/1906 Masihi di Mekah.

Tentang kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., disusun risalah bernama Peringatan. Diselesaikan pada 2 Rabiulawal 1338 Hijrah/1919 Masihi dalam Bandar Maharani, Muar, Johor. Kandungannya menyatakan kalimah-kalimah yang ada di dalam kitab Kisah Maulid an-Nabi bagi karangan Sayid Ja'far al-Barzanji yang harus diubah-ubahkan bacaannya, cetakan yang pertama, Mathba'ah al-Khairiyah, Bandar Maharani, Muar, 1938.

Juga tentang kelahiran Nabi s.a.w. beliau susun Mastika Ajaib. Diselesaikan pada 9 Safar 1350 Hijrah/26 Jun 1931 Masihi, dalam Bandar Maharani, Muar, Johor. Kandungannya menyatakan hukum dan kelebihan membaca Maulid an-Nabi s.a.w., cetakan yang pertama Mathba'ah al-Jamiliyah, Parit

Jamil, Muar, 1350 Hijrah/1931 Masihi. Sebab disusun risalah ini memenuhi pertanyaan anggota Gubahan Setia Kelab Muar.

Tentang tajwid, Abu Bakar Muar menyusun risalah Pertinjauan, Penggal Pertama. Diselesaikan pada 1 Syaaban 1342 Hijrah dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama, Mathba'ah al-Khairiyah, Muar, 1342 Hijrah/1924 Masihi. Pada halaman pertama sesudah halaman kulit terdapat salinan ijazah daripada gurunya, Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim Senggora yang dikeluarkan pada hari Jumaat, 25 Zulhijjah 1334 Hijrah di Mekah.

Hikayat Qadhi Dengan Harami, diselesaikan pada 12 Rabiulawal 1343 Hijrah dalam Bandar Maharani, Muar. Cetakan yang pertama, Mathba'ah al-Khairiyah, Muar, 1343 Hijrah/1924 Masihi. Kandungannya merupakan sastera Islam, menceritakan kisah seorang qadi pada zaman pemerintahan Harun ar-Rasyid

Abu Bakar juga menyusun buku-buku pengetahuan lain, seperti buku mengenai masakan yang terkumpul dalam judul Jangka Rampaian yang terdiri daripada tiga jilid. Saya simpulkan saja bahawa Abu Bakar Muar telah melakukan penulisan sejak tahun 1323 Hijrah/1905 Masihi hingga 18 Muharam 1357 Hijrah/20 Mac 1938 Masihi. Judul terakhir karyanya ialah Jadwal Tarikh Antara Nabi Adam Dengan Nabi Muhammad s.a.w. Dan Lainnya.